



Beat Your Limits, Achieve Your Dreams

Matt Moss

Kayuhan
Penjelajahan
di Bumi
Taiwan



*Penggiat Sukan Basikal di Taiwan &
Penerima 2 Sijil Malaysia Book of Records*

Matt Moss
Mohamad bin Mos

Berkelulusan ijazah undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM), MOHAMAD BIN MOS sangat aktif dalam aktiviti lasak sejak remaja lagi. Ini dibuktikan dengan kejayaannya mencipta tiga kejayaan dalam Malaysia Book of Records (MBOR) dalam sukan udara paramotor pada tahun 2000 dan aktiviti berbasikal pada tahun 2021. Minat mendalam beliau dalam aktiviti berbasikal telah membawanya mengelilingi Taiwan sebanyak dua kali serta menjelajah hampir keseluruhan tanah Taiwan termasuk pulau-pulau kecil di sekitarnya. Beliau juga telah diiktiraf sebagai Super Randonneur (SR) melalui penglibatan aktifnya dalam kayuhan jarak jauh semasa di Taiwan. Selain berbasikal, beliau juga menjelajah dan mendaki beberapagunungutamaditaiwan. Berdasarkan pengalaman luas beliau menjelajah setiap pelusuk Taiwan, beliau sering dijemput untuk berkongsi pengalaman di kaca televisyen, media cetak serta media sosial.



Beat Your Limits, Achieve Your Dreams

Kayuhan Penjelajahan di Bumi Taiwan

Matt Moss

**Hak Cipta ©PCP Publications & Taiwan Tourism Bureau**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, ilustrasi, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak penerbit kecuali sebagai petikan dalam ulasan buku.

Terbitan bersama:**PCP Publications & Taiwan Tourism Bureau Kuala Lumpur Office****Terbitan Pertama 2022****Penulis: Mohamad bin Mos (a.k.a. Matt Moss)****PCP Publications**

154-4-1 Kompleks Maluri, Jalan Jejaka,
55100 Kuala Lumpur.

Malaysia

Tel: +603-92818039

Email: infopcp2u@gmail.com

Website: www.pcp2u.my

Taiwan Tourism Bureau Kuala Lumpur Office

Suite 25-01, Level 25, Wisma Goldhill, 67 Jalan Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +603-2070 6789

Fax: +603-2072 3559

Email: tbrockl@taiwan.net.my

Website: www.taiwan.net.my

Dedikasi

Buku ini didedikasi khas buat isteri, Azimah Aziz serta anak-anak Ashraf Mustaqim, Aisyah Munirah dan Aiman Muiz atas segala sokongan dan pengorbanan dalam menjayakan setiap misi kayuhan dan penjelajahan. Juga kepada ahli keluarga, warga kerja IIUM dan sahabat handai serta teman kayuhan di Taiwan khususnya OMB Team, Indonesian Cycling Team dan Mountain Goats. Tidak lupa juga kepada semua peminat aktiviti kayuhan basikal di tanah air khususnya sahabat MyKayuh. Kejayaan saya adalah kejayaan anda semua. Terima kasih.

Kandungan

- 03 Dedikasi
- 05 Pendahuluan
- 06 Syurga Kayuhan Basikal
- 22 Mengelilingi Taiwan dalam tempoh 100 Jam
- 34 Kayuhan Terpantas
- 46 Terputus Cable Gear
- 58 Panggilan Pulau
- 70 King of the Mountain
- 78 Kayuhan Salji
- 86 Sinar Islam
- 96 10 Keindahan Taiwan yang Menawan Hati
- 134 Diraikan
- 142 Harga Sebuah Kejayaan

PENDAHULUAN

Alhamdulillah, impian untuk menerbitkan buku ini untuk tatapan umum menjadi kenyataan. Ia adalah rangkuman pengalaman sepanjang pengembaraan dan penjelajahan berbasikal saya meneroka hampir keseluruhan tanah Taiwan termasuk di beberapa kepulauan kecil.

Minat berbasikal yang hanya bersifat santai mengelilingi Taiwan pada mulanya berkembang menjadi satu cabaran untuk menguji kekuatan mental dan fizikal sehingga menjulang nama melalui 2 kejayaan yang direkodkan di dalam Malaysia Book of Records (MBOR) dalam tempoh setahun. Selain itu, pegiktirafan sebagai 'Super Randonneur' bagi kayuhan jarak jauh dari Audax Club Parisien yang berpusat di Paris bagi tahun 2021 juga merupakan satu pengalaman yang sangat berharga melalui siri kayuhan.

Dalam mengejar impian dan kejayaan, pelbagai pengalaman pahit manis terpaksa dilalui. Istilah penat, lelah dan rasa putus asa sentiasa dikeluarkan dari minda dan digantikan dengan kata-kata semangat "Keep Cycling and Be Happy" telah berjaya membuahkan hasil. Tiada impian yang mustahil sekiranya kita benar benar yakin kepada kemampuan diri serta menggerakkan seluruh jiwa dan keringat berusaha untuk mencapai impian dan matlamat yang dikehajati.



Mengenali budaya dan masyarakat tempatan yang sangat "friendly" sangat menyentuh hati. Bantuan dan sokongan sentiasa dihulur tanpa mengira latar belakang. Selain itu, pengalaman sebagai seorang Muslim mengikuti perkembangan syiar Islam di bumi Taiwan sangat mengujakan.

Terima kasih kepada seluruh ahli keluarga, sahabat handai dan peminat aktiviti berbasikal atas doa, sokongan dan kata-kata semangat yang diberikan sehingga ke hari ini. Kerjasama dan sokongan Taiwan Tourism Bureau, Pro-Apparel Asia, Ridea Inc dan Bryton, Randonneurs Taiwan, Kerajaan Negeri Sarawak, pihak media serta orang perseorangan sangat dihargai.

Semoga Buku ini dapat memberi manfaat untuk kita mencipta kejayaan selain menjadi rujukan untuk aktiviti berbasikal khususnya di Taiwan. Selamat membaca.

Matt Moss



SYURGA KAYUHAN BASIKAL



Peluang berbasikal di negara maju yang sangat mesra penunggang basikal merupakan satu pengalaman yang pasti tidak dapat dilupakan. Sebagai sebuah negara maju yang memiliki tarikannya yang tersendiri seperti keindahan gunung-ganang, pantai yang bersih, pusat membeli belah mewah, bangunan pencakar langit termasuklah bangunan ikonik Taipei 101, namun tidak ramai yang tahu sebenarnya Taiwan adalah syurga bagi peminat kayuhan basikal. Meskipun memegang status sebagai sebuah negara maju yang membangun dengan pesatnya, akan tetapi Taiwan tetap menitik beratkan kelestarian alam dan turut tidak mengabaikan pembentukan masyarakat yang sihat. Pelbagai kemudahan khususnya “bike lane” atau laluan khas basikal dan juga beberapa lagi kemudahan lain telah disediakan bagi memastikan keselamatan dan memberi keselesaan kepada penunggang basikal.



Pemandangan sungai dan Jambatan Guangdu dari Riverside

Keseluruhan laluan basikal melebihi 5000 kilometer mengelilingi Taiwan yang merentasi pelbagai panorama seperti gunung-ganang, tepian laut, tasik, laluan tebingan sungai, laluan di pusat bandaraya dan perkampungan kecil sentiasa menanti kehadiran setiap pengunjung yang inginkan satu pengalaman berbasikal yang berbeza. Cycling Route 1 yang mengelilingi Taiwan adalah laluan yang paling popular. Kesempatan menjelajah Taiwan melalui penyertaan dalam pelbagai aktiviti dan acara berbasikal telah memberikan dimensi baharu untuk melihat keindahan dan kesempurnaan ciptaan Yang Maha Esa selain dapat mengenali diri serta masyarakat setempat dengan lebih baik.




Kemudahan laluan khas basikal yang selesa dan selamat



Balai Polis dijadikan kawasan rehat dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas untuk membaiki basikal dan kecemasan.

Selain peranan aktif yang dimainkan pihak kerajaan dalam meningkatkan dan menyelenggara kemudahan asas bagi aktiviti berbasikal, penglibatan masyarakat tempatan yang sangat "cyclist friendly" juga sering menjadi buah mulut peminat basikal tidak kira dalam kalangan warga tempatan mahupun pelancong luar. Kata-kata semangat "jiayou! jiayou!" yang bermaksud "kamu boleh" sering kedengaran daripada pengguna lalu lintas yang lain ketika kita sedang memerah keringat mendaki gunung atau melalui laluan yang sukar. Sekiranya bernasib baik, mungkin ada yang sudi memberikan air minuman atau makanan ringan ketika kita melakukan aktiviti berbasikal. Sokongan dan semangat kesukanan beginilah yang akan menjadi kenangan indah satu dalam sejuta ketika kita berbasikal di sini. Persekitaran begini



Aktiviti kayuhan boleh dilakukan pada waktu siang atau malam dengan selamat.

turut membuatkan kita merasa lebih yakin dan selamat untuk berkayuh. Di sini kita juga tidak perlu terlalu risau atau takut jika tersesat, pastinya akan ada yang membantu biarpun kita hanya meminta bantuan menggunakan bahasa tubuh.



Minuman percuma beserta hadiah menarik di lokasi terpilih di Bandaraya Taipei setiap hari Jumaat bermula 6.30 pagi hingga 9.30 pagi



Penglibatan pihak swasta dan sukarelawan juga merencanakan lagi aktiviti berbasikal di sini melalui penganjuran pelbagai program dan acara di samping inisiatif yang jarang-jarang diadakan di tempat lain. Antara inisiatif yang mereka jalankan adalah penyediaan minuman percuma dan hadiah untuk penunggang basikal pada setiap pagi Jumaat

di tempat-tempat terpilih sekitar bandar raya. Turut dilaksanakan adalah acara cabutan bertuah yang memberi peluang kepada pengayuh basikal untuk memenangi hadiah. Usaha-usaha sebegini sedikit sebanyak membantu menjadikan aktiviti berbasikal sebagai produk pelancongan di Bumi Formosa ini.




Pemandangan laut dan gunung yang indah

Bentuk muka bumi Taiwan yang bergunung-ganang di kawasan tengahnya yang menjajar dari utara ke selatan mempunyai lebih 100 puncak dengan ketinggian melebihi 3000 meter dari paras laut pastinya menjadi tarikan kepada peminat kayuhan pendakian yang inginkan cabaran. Tidak hairanlah acara tahunan “Taiwan King of Mountains” (KOM) sejauh 105km dari pantai di Hualien ke puncak Gunung Wuling (3275M) sentiasa menarik minat ramai peserta dari dalam dan luar negara termasuk yang berstatus pengayuh profesional. Sekiranya tidak mampu membuat kayuhan pendakian, laluan tepi pantai yang lebih santai dihiasi

dengan pemandangan laut dan alunan ombak memutih pastinya memberi kepuasan. Kayuhan di tepi sungai atau “Riverside” sentiasa menjadi pilihan terbaik bagi kayuhan seisi keluarga tanpa mengira usia dengan pelbagai taman dan tarikan di sekitar laluan.



Laluan Cycling Route 1 di pantai barat Taiwan dengan pemandangan laut



Basikal boleh dibawa masuk ke dalam tandas khas untuk penunggang basikal.



Laluan basikal dipenuhi orang ramai khususnya pada hujung minggu termasuk pada waktu malam



Latihan kayuhan turut disertai anakanda Ashraf

Selain laluan tepi sungai yang luas dan selesa, banyak kemudahan asas lain turut disediakan. Antara kemudahan yang disediakan seperti tandas awam yang bersih tanpa sebarang bayaran. Lebih menarik, tandas-tandas khas seperti tandas untuk orang kurang upaya dan tandas untuk pengayuh basikal juga disediakan yang mana basikal boleh dibawa masuk ke dalam tandas.

Kemudahan untuk mendapatkan makanan dan minuman turut menjadi keutamaan di sini dengan adanya mesin-mesin jualan air minuman dan makanan ringan yang disediakan untuk kegunaan pengunjung terutamanya pengayuh basikal selain kemudahan gerai makanan dan minuman. Kemudahan-kemudahan ini boleh didapati di kawasan-kawasan tumpuan seperti di Dadaocheng Wharf, Gongguan Plaza, Bali Riverside dan Tamsui Fisherman's Wharf. Kepenatan mengayuh seakan tidak terasa apabila dapat melihat keindahan sungai atau muara laut sambil menikmati latte dan makanan kegemaran.



Kemudahan mengecas gajet

Berhenti rehat di kedai serbaneka adalah perkara lazim buat penunggang basikal di Taiwan. Selain daripada makanan dan minuman, kedai serbaneka juga menjual pelbagai keperluan asas yang diperlukan ketika mengembara termasuk ubatan dan gajet. Ada juga yang menyediakan kemudahan mengecas gajet dengan percuma.



Pelbagai pilihan barangan asas



Selesa



Ruang makan yang luas



Pemandangan indah Baling Bridge, Luofu Bridge dan Dahan Bridge di Daerah Fuxing.

Di luar Riverside pengayuh boleh berhenti rehat untuk mendapatkan makanan atau minuman di kedai sebaneka 7 Eleven, Family Mart atau Hi Live yang terdapat di berhampiran laluan basikal. Air minuman juga boleh diisi di mana-mana Pusat Pelancongan, Balai Bomba atau Balai Polis yang dijadikan kawasan rehat di laluan basikal. Kemudahan asas seperti pam basikal juga boleh didapati di situ.



Kemudahan membaiki basikal di Balai Polis.



Kedai serbaneka Televen yang sentiasa menjadi tempat rehat.



Cycling Route 1 yang mengelilingi seluruh Taiwan

Satu lagi perkara menarik ketika berada di Taiwan ialah kita boleh berbasikal sepanjang hari sama ada siang ataupun malam bukan sahaja di bandar raya tetapi juga di luar bandar dan kawasan pergunungan dengan selamatnya. Kebanyakan laluan basikal di sini telah pun dilengkapi lampu dan kamera litar tertutup selain kadar jenayah yang agak rendah membuatkan kita merasa lebih selamat untuk berkayuh.



Keindahan Taipei 101 pada waktu malam



Laluan Basikal di kawasan sekitar pusat Bandaraya Taipei



U-Bike sebagai pilihan basikal Sewa awam di kawasan bandaraya.

Memandangkan berbasikal sudah menjadi budaya dan rutin harian sama ada untuk beriadah, ke tempat kerja atau ke pusat-pusat pengajian seperti sekolah atau universiti, kemudahan basikal sewa awam sangatlah mudah didapati. U-Bike adalah antara pilihan basikal sewa awam yang paling popular di Taiwan khususnya di bandar raya utama. Basikal berwarna kuning putih ini menjadi pilihan ramai disebabkan harga yang berpatutan selain stesen sewaan yang banyak dan meluas untuk meminjam dan memulangkan basikal.

Dalam pada itu, penggunaan satu kad gabungan yang meluas bagi semua urusan pembayaran

khususnya seperti Yoyo Card yang boleh digunakan di semua rangkaian pengangkutan awam dan boleh juga digunakan untuk urusan pembelian di kedai serbaneka turut memudahkan dan kita tidak perlu membawa wang tunai apabila berada di luar.



Penggunaan basikal awam yang sangat selesa dan meluas.




Arca di laluan menuju Taman Negara Kenting.

Sebagai sebuah destinasi pelancongan yang mesra penunggang basikal terdapat banyak hotel-hotel penginapan yang menyediakan pelbagai kemudahan kepada pengembara yang berbasikal. Ini termasuklah ruang khas untuk parkir basikal yang selamat, lif khas untuk basikal serta maklumat berkaitan aktiviti berbasikal di kawasan setempat. Di sesetengah hotel, basikal juga boleh dibawa ke bilik penginapan.



Menikmati pemandangan indah di Taipei Riverside.



Lautan membiru di Qixingtang Beach, Hualien.



Keindahan di Pulau Penghu.

Kenikmatan dan keselesaan berbasikal tidak hanya boleh dinikmati di tanah besar Taiwan tetapi juga boleh dinikmati di pulau-pulau kecil seperti Pulau Penghu, Pulau Kinmen dan Pulau Liuqiu. Basikal-basikal sewa turut disediakan di kedai-kedai berdekatan pelabuhan atau di hotel-hotel penginapan. Sekiranya anda lebih selesa dengan basikal sendiri, feri atau kapal terbang boleh membawanya dengan selamat ke pulau-pulau ini.



Maritime Plaza di Bandaraya Keelung



Lif khas basikal di steysen MRT



Peta laluan MRT

Dengan pelbagai pilihan laluan dan jenis kayuhan selain kemudahan yang disediakan, pastinya aktiviti kayuhan tidak membosankan. Pengalaman sebegini pastinya jarang boleh didapati di tempat-tempat lain.



CCTV di laluan basikal



Laluan basikal di bawah rimbunan pohon menghijau

Pengalaman berbasikal menjelajah hampir keseluruhan Taiwan dengan purata 1000km ke 3000km sebulan dan melalui pelbagai keadaan cuaca serta keadaan sekeliling memberi satu kepuasan serta menjadi suatu 'ketagihan' untuk terus mengayuh. Saya begitu mengagumi usaha gigih negara maju seperti Taiwan untuk menjadikan aktiviti berbasikal sebagai satu gaya hidup sihat selain produk pelancongan.



Laluan yang bersih, selesa dan selamat

MENGELILINGI TAIWAN DALAM TEMPOH 100 JAM



Mengelilingi Taiwan dalam tempoh 4 hari adalah satu pengalaman yang amat berharga dalam hidup. Pasti, pengalaman ini akan menjadi kenangan manis yang tidak dapat dilupakan sepanjang hayat. Manakan tidak, kayuhan sejauh 1073km dengan ketinggian terkumpul melebihi 5000m dari paras laut yang kebiasaannya dilakukan dalam tempoh 7 hingga 12 hari tetapi dapat diselesaikan dalam tempoh yang sangat singkat. Lebih mengujakan, kayuhan ini dilakukan secara berterusan selama 24 jam tanpa tidur.

Pastinya menjadi impian setiap penunggang basikal dan peminat aktiviti berbasikal sama ada rakyat tempatan ataupun warga asing untuk merasai pengalaman berbasikal di Taiwan yang terkenal sebagai sebuah destinasi mesra berbasikal. Maka tidak hairanlah Taiwan diberi jolokan Cycling Paradise atau Syurga Kayuhan Basikal. Hanya berpanduan Cycling Route No. 1, kita akan disajikan dengan panorama indah gunung-ganang, tasik, lautan, perkampungan serta tempat bersejarah selain dapat merasai pelbagai jenis laluan dari yang mendatar hinggalah pendakian gunung. Dengan adanya Laluan khas yang selamat ini memudahkan kita melakukan kayuhan 24 jam sehari tanpa mengira siang mahupun malam.

Impian yang sudah lama terpendam ini menjadi kenyataan apabila dua orang sahabat baik dari Indonesia Cycling Team (ICT), iaitu Mas Adhie Brown dan Mas Gio Samudera yang menjadi penggerak pasukan ICT di Taiwan mempelawa saya untuk menyertai mereka dalam program atau cabaran Taiwan Loop sejauh 1000 kilometer.

“Bagai mengantuk disorongkan bantal”, tanpa berfikir panjang, saya terus bersetuju dan menerima pelawaan mereka. Masakan tidak, inilah peluang untuk saya mencapai impian yang sekian lama terpendam ini. Tambahan pula, cabaran kayuhan ini boleh dijadikan sebagai medan latihan dan persediaan untuk acara Cabaran Kayuhan Terpantas Malaysia Book of Records sejauh 510Km dari titik paling utara Taiwan hingga ke titik paling selatan yang akan dilakukan dua minggu selepas itu.

Mas Ahdie selaku penyelaras memaklumkan bahawa kayuhan tersebut akan disertai seramai 9 orang dan akan dipecahkan kepada dua kumpulan. Pasukan A mensasarkan akan menamatkan kayuhan selama 4 hari manakala Pasukan B akan mensasarkan menamatkan kayuhan mereka selama 5 hari, bergantung pada kemampuan fizikal masing-masing.

Meskipun kebiasaannya kayuhan mengelilingi Taiwan dilakukan penunggang basikal lain dalam tempoh 7 hingga 12 hari secara solo atau berkumpulan, sasaran melakukan kayuhan selama 4 hari adalah sesuatu yang sangat mencabar. Ini bermakna, kami perlu melakukan kayuhan harian mencecah 200 hingga 300km sehari. Bukan itu sahaja, dengan keadaan laluan di pantai barat yang bergunung ganang, pastinya menambahkan lagi cabaran bagi kami dalam kayuhan ini. “Kami rasa Pak Mos paling layak untuk ikut Pasukan A”, itulah kata-kata yang terungkap dari mulut Mas Adhie dan Mas Gio Samudera. Itulah cabaran telah diberikan!

Berbekalkan semangat anak Sarawak, “Agi idup, agi ngelaban”, cabaran itu disahut. Saya yakin saya mampu melakukannya tambahan pula, cabaran ini dilakukan bersama-sama anak muda yang berumur lingkungan sekitar 30-an. Umur bukanlah penghalang dan tiada yang mustahil memandangkan selama ini saya sentiasa mencabar diri untuk melakukan yang terbaik dan menjadi pembakar semangat kepada yang lain. Semangat Yakin Boleh yang diterapkan ke dalam jiwa semasa mengikuti program Rakan Muda, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia suatu ketika dulu masih lagi membara. Aktiviti ekstrem seperti terbang dan berkayak merentasi laut telah dilakukan dengan jayanya, oleh itu saya pasti cabaran ini mampu ditempuhi.



Papan tanda permulaan 0km di Bandaraya Taipei



Peralatan dan keperluan yang dibawa untuk penjelajahan

Dengan kepercayaan Tuhan sebaik-baik pelindung, kami memohon sebelum memulakan kayuhan. Semoga Yang Maha Esa sentiasa melindungi dan memelihara kami daripada segala bahaya seterusnya memudahkan segala urusan serta perjalanan kami. Kami memulakan kayuhan sekitar jam 2.00 pagi di persisiran pantai Bandaraya Taichung, wilayah yang terletak di tengah Taiwan. Kedinginan pagi langsung tidak mematahkan semangat kami yang berkobar-kobar ingin menimba pengalaman sementara berada di perantauan. Bak kata pepatah Melayu, “Jauh perjalanan, luas permandangan”, itulah yang ingin kami lakukan di bumi Taiwan ini. Kayuhan pada hari pertama melalui Cycling Route No.1 di barat Taiwan agak mendatar dan agak mudah dengan sasaran sekitar 270 kilometer hingga ke Kenting, bandar yang paling selatan. Dengan kekuatan tenaga yang masih penuh serta semangat yang masih membara, kayuhan pada hari itu dapat dilakukan dengan kelajuan sekitar 28 ke 42 kilometer sejam.

Pada hari pertama ini pun kami sudah diduga apabila seorang daripada ahli pasukan terpaksa menarik diri di kilometer ke 150 perjalanan. Hal ini mungkin disebabkan kurangnya persediaan fizikal sebelum memulakan cabaran ini ditambah lagi dengan keadaan kayuhan seterusnya yang semakin mencabar dengan laluan meredah gunung dalam cuaca yang tidak menentu selain sasaran untuk menamatkan kayuhan dalam tempoh yang amat singkat. Saya sedikit gusar, dalam hati berdoa, semoga tiada lagi ahli kumpulan yang akan menarik diri selepas ini.



Penunjuk arah untuk ke utara atau selatan Taiwan



Bot dan kapal nelayan di Bitou Cape Service Area

Perjalanan kami menuju ke ‘Checkpoint’ pertama di Kenting sejauh 270km pada waktu siang dihiasi pemandangan pantai yang indah melalui bandar-bandar kecil dan perkampungan nelayan. Kenting merupakan bandar yang terletak di paling selatan Taiwan. Di sini terletaknya Taman Negara Kenting yang terkenal dengan pantai-pantai yang indah selain Menara Api Eluanbi yang menjadi titik paling selatan Taiwan.

Di sebalik pesona keindahan yang dinikmati itu, pada 20km terakhir kami telah diduga dengan angin ribut yang kencang. Saya langsung tidak melepaskan genggaman erat tangan pada handle basikal. Hanya Tuhan sahajalah tempat saya memohon pertolongan saat itu. “Allahuakbar”, nama-Nya yang Maha Besar cukup kuat terpacul dari mulut ketika terbabas di dalam gelap malam. Meskipun sudah sedaya-upaya mengawal basikal, namun takdir alam bukanlah lawan kita. Saya gagal mengawal basikal akibat tiupan ribut dan angin laut yang sangat kuat. Angin kencang itu telah membadaikan dan menerbangkan basikal sehingga kami terpaksa berhenti seketika. Syukur, alhamdulillah dalam tragedi itu saya hanya luka ringan di tangan dan kaki.

Jarum jam sudah menunjukkan jam 9.15 malam, basikal kami seolah-olah tidak mampu bergerak melawan angin kencang untuk meredah laluan pendakian bukit. Di saat itu, kata-kata semangat sentiasa diberikan kepada ahli kumpulan yang hampir patah semangat untuk terus mengayuh. Dengan kayuhan yang sangat perlahan, kami akhirnya berjaya sampai di hotel penginapan sekitar jam 11 malam. Setelah membersihkan diri dan mengecek telefon bimbit, serta computerbike saya terus terlena dalam ketetihan. Semoga esoknya saya terus kuat!

Hari kedua kami memulakan perjalanan seawal jam 4.00 pagi selepas mempersiapkan diri dan semua kelengkapan. Sebaik sahaja keluar dari hotel, kami terus ke 7 Eleven berdekatan untuk mengalas perut. Hujan renyai-renyai mulai turun menambahkan lagi dingin pagi. Saya mengalas perut dengan kopi panas, roti dan onigiri. Sebaik sahaja masuk waktu subuh saya terus menunaikan solat di luar kedai serbaneka tersebut. Meskipun tidak ada ruang yang selesa dan hanya beralaskan sejadah lipat di tepi jalan, tanggungjawab sebagai Muslim tetap dilaksanakan.

Hujan turun semakin lebat dan seperti tiada tanda akan berhenti dalam masa terdekat. Melihatkan situasi ini, kami berbincang dan akhirnya kata sepakat diambil. Kami memutuskan untuk meneruskan sahaja kayuhan tetapi dengan kelajuan yang perlahan dalam hujan yang lebat itu. Setelah mengenakan baju hujan pakai buang yang dibeli di kedai 7 Eleven tersebut, kami pun memulakan perjalanan.

Walaupun mengayuh dalam hujan, kami masih lagi sempat bersembang dan berhenti merakam gambar dari puncak bukit Kenting berlatar belakangkan menara Eluanbi Lighthouse, lokasi paling selatan di Taiwan.



Meredah hujan di tengah malam



Laut membiru yang mengelilingi Taiwan

Hujan akhirnya mulai reda sekitar jam 10.15 pagi. Syukur tak terhingga kerana pada laluan seterusnya akan menyajikan pemandangan kehijauan tanah pertanian dan lautan yang membiru. Panorama ombak membadai pantai di sebelah kanan dan gunung menghijau di sebelah kiri amat mengasyikkan. Di saat ini saya insaf betapa indahnya kekuasaan Yang Maha Esa yang telah mencipta langit dan Bumi. “Subhanallah” kalimah yang tak lekang diungkapkan ketika teruja menyaksikan kebesaran-Nya ini.

Keindahan pantai dan lautan di sebelah pantai barat Taiwan yang menghadap tanah besar China ini sentiasa menjadi buah mulut dan tarikan kepada sesiapa sahaja untuk berkunjung ke situ. Maka, tidak hairanlah terdapat begitu banyak hotel peranginan dan destinasi pelancongan di sepanjang laluan pantai dari Wilayah Taitung hinggalah ke Yilan.

Setelah puas menikmati pemandangan laut dan gunung, kami meneruskan kayuhan ke Hualien melalui jalan bandar. Sedar tak sedar, pakaian kami sudah kering dek hembusan angin laut walaupun cuaca tidaklah berapa panas. Walaupun dapat melihat bangunan lama bersejarah selain deretan pelbagai kedai, laluan di bandar ini sedikit membosankan kerana terpaksa banyak berhenti disebabkan lampu isyarat yang terletak kurang 50 meter. Meskipun demikian, pemandu dan pengguna jalan raya di sini amat patuh pada peraturan lalulintas.

Di suatu persimpangan berdekatan Lapangan Terbang Hualien, sebaik sahaja lampu isyarat bertukar hijau, kami pun menekan pedal basikal lalu meluncur laju bersama kereta dan bas untuk membelok ke kiri. Tiba-tiba kedengaran siren kenderaan polis. “Ah, sudah!”, kata dalam hati. Kenderaan polis itu pun menghampiri kami dan meminta kami berhenti di pinggir jalan. Kami sedikit panik kerana bagi kami, kami tidak melanggar sebarang peraturan. Saya mengingatkan kawan-kawan supaya tidak menjawab sebarang soalan dalam bahasa mandarin walaupun fasih. Berdasarkan pengalaman, kebanyakan anggota polis tidak boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dan mereka sedikit bertoleransi dengan orang luar.

Ketika pegawai polis sudah tercegat di hadapan kami berlima, saya bertanya dalam bahasa Inggeris “Excuse me sir, anything wrong sir?” Pegawai polis tersebut tercengang dan dengan nada yang serius pegawai polis tersebut menyatakan bahawa kami telah melanggar peraturan lalulintas dalam Bahasa Mandarin. Menurutny, penunggang motosikal dan basikal mestilah berhenti di kotak garisan di sebelah kanan dan hanya membelok bersama kenderaan lain dari arah kanan. Saya berlakon seolah-olah tidak memahami apa yang dinyatakannya dan terus menjawab “we are really sorry, we don’t understand Mandarin sir”. Pegawai polis tersebut kemudiannya bercakap melalui walkie-talkie dan selepas itu mengeluarkan buku nota dan melukis rajah laluan menerangkan kesalahan lalu-lintas yang kami lakukan. Saya melihat wajah kawan-kawan sepasukan mulai bertambah cemas. Saya mengangguk tanda faham terhadap apa yang diterangkan. Polis tersebut kemudian meminta ARC atau kad pengenalan. Saya menghulurkan kad pengenalan dan berdoa di dalam hati agar kami tidak di saman atau di bawa ke balai polis. Dia merakam gambar satu persatu kad pengenalan setiap orang daripada kami. Selepas itu, dia memberi amaran kepada kami melalui bahasa tubuh dan membenarkan kami meneruskan perjalanan. Alhamdulillah, lega rasanya. Saya lantas mengucapkan “sorry” kepada pegawai tersebut dan dia hanya tersenyum. Sebelum beredar, saya meminta kebenaran untuk merakam gambar kenangan bersama-sama pegawai polis tersebut. Saya merasakan polis tersebut melepaskan kami kerana kasihan melihat wajah keletihan kami selain tidak mahu memanjangkan kes ini disebabkan masalah komunikasi.



Laluan khas basikal yang selamat di Cycling Route 1

Setelah sampai ke Wilayah Hualien, kami singgah menjamu selera di sebuah kedai makanan Indonesia yang amat terkenal dengan pelbagai pilihan lauk-pauk yang menyelerakan. Disebabkan sudah hampir dua hari tidak menjamah nasi, saya makan sepuas-puasnya. Tambahan pula, belum pasti lagi kami akan bertemu kedai makanan Halal dalam perjalanan kami selepas ini. Bertuah sungguh rasanya apabila dapat menikmati menu sate kambing dan daging bakar yang mungkin saya tidak akan jumpa lagi di tempat lain. Selesai menjamu selera, saya terus menunaikan solat jama' di madrasah yang bersebelahan dengan restoran tersebut.



Bangunan Mahkamah di Daerah Hualien



Menikmati makanan di sebuah restoran bersebelahan Madrasah Al-Falah, Hualien

Perjalanan seterusnya sangat mencabar kerana kami terpaksa berkayuh pada waktu malam dan perlu meredah laluan pergunungan. Awalnya kami bercadang untuk berhenti bermalam di Bandar Suao. Akan tetapi, disebabkan kayuhan yang begitu mencabar akibat hujan lebat, ditambah pula dengan kesejukan malam menyebabkan kami terlewat daripada rancangan asal. Dalam kayuhan sekitar jam 2.00 pagi tersebut, kawasan sekitar amatlah gelap, kiri kanan, depan dan belakang langsung tiada cahaya melainkan cahaya lampu basikal yang menjadi penyuluh arah buat kami. Mujurlah ada pemandu kereta yang bersimpati lalu mengiringi dan menyuluhkan cahaya buat kami dari belakang dengan perlahan. Syukurlah, ini sedikit banyak memudahkan kami meredah kegelapan malam di dalam hujan lebat. Tiada sebarang perhentian di laluan gunung tersebut kecuali kuil-kuil kecil tanpa penghuni. Kami hanya sampai di Bandar Suao pada awal pagi. Disebabkan ada ahli kumpulan yang sudah tidak mampu meneruskan kayuhan, kami membuat keputusan untuk berehat di 7 Eleven sehinggalah kami terlelap kerana terlalu letih dan mengantuk.



Melalui kawasan sawah padi yang menguning



Setelah berehat melepaskan lelah sehingga terbitnya lembayung pagi, kami pun meneruskan kayuhan sehinggalah ke Ruifang dan Keelung, bandar di utara Taiwan. Di saat kaki sudah terasa ngilu dan sengal-sengal mulai terasa pada kaki, ditambah pula dengan pakaian yang belum berganti, kami nekad untuk berhenti rehat sebentar di Daerah Tamsui. Ada diantara ahli kumpulan mulai bermacam muka dan menyendiri. Namun, saya tetap menyuntik kata-kata semangat dan motivasi bagi membangkitkan semula semangat dan keyakinan ahli kumpulan. Di saat keletihan begitulah kita akan memahami erti persahabatan. Perasaan dan emosi menjadi rapuh tatkala hati pula mudah tersinggung. Sampai sahaja di Tamsui sekitar jam 5.00 petang, kami terus berehat sebentar untuk membersihkan badan dan makan malam sebelum meneruskan lagi perjalanan yang berbaki 180km ke penamat di Taichung di mana lokasi kami bermula.



Senibina menarik Arch Bridge di Sanxiantai



Binaan berkaitan basikal yang biasa dijumpai di Taiwan

Sekitar jam 7.00 petang, kami memulakan kayuhan terakhir kami untuk kembali ke Changhua, lokasi di mana kami memulakan kayuhan kami 90 jam yang lepas. Kayuhan kami kali ini agak pantas dengan semangat yang membara untuk menamatkan misi secepat yang mungkin walaupun secara fizikalnya, kami semua sudah tidak bermaya dan hampir tidak terdaya menahan letih, lesu dan mengantuk. Meskipun letih, saya tetap memberikan kata-kata semangat serta memastikan ahli kumpulan terus mengayuh dan tidak ketinggalan terlalu jauh antara satu sama lain. Tidak banyak perbualan sesama ahli kumpulan kerana masing-masing hanya melayan perasaan dan keletihan.

Alhamdulillah, dengan semangat berpasukan yang tinggi kami akhirnya berjaya menamatkan kayuhan mengelilingi Taiwan sejauh 1076km sekitar jam 2.45 pagi. Kami berpelukan kegembiraan meraikan kejayaan yang amat bermakna kepada kami sebagai pencinta kayuhan berbasikal di Bumi Formosa ini. Pasti pengalaman Taiwan Loop ini tidak akan dilupakan hingga ke akhir hayat. Syukur.



Basikal yang berjaya mengelilingi Taiwan



Saya begitu teruja untuk menyertai kayuhan yang merupakan salah satu daripada acara tahunan yang melibatkan ratusan peserta termasuk peserta daripada luar negara. Tambahan pula, dengan latihan harian yang telah dilakukan yang mencecah 2000 hingga 3000 kilometer sebulan menambahkan lagi keyakinan untuk melakukan yang terbaik. Lebih mengujakan, seminggu sebelum acara ini, pihak Malaysia Book of



**THE
MALAYSIA
BOOK
of
RECORDS**

Hebahan di dada akhbar tanah air



Penyelenggaraan basikal sebelum acara

Usaha, doa dan tawakal. Itulah kunci yang selalu dipegang dalam menghadapi apa sahaja cabaran dalam hidup. Selain latihan untuk mempersiapkan mental dan fizikal yang mencukupi, saya juga telah membuat pelaburan yang agak besar terhadap jentera dengan menambah baik pada komponen basikal sebelum acara tersebut. Dari segi moral pula, saya telah meminta nasihat dan tip daripada beberapa penunggang basikal yang pernah melakukan kayuhan yang serupa.

Hari yang ditunggu-tunggu akhirnya tiba, berbekalkan azam yang menggunung, saya tampil dengan yakin pada hari itu. Beberapa kilometer sebelum tiba di tempat permulaan, sudah pun terlihat deretan kenderaan yang membawa basikal peserta yang akan bersama-sama menyertai kayuhan ini. Situasi ini tiba-tiba membuatkan darah gemuruh mula mengalir laju ke seluruh tubuh. Jujur, saya amat gusar!



Setiap detik amat berharga



Di garisan permulaan bersama-sama sahabat kayuhan Malaysia

Kegusaran kian terasa apabila beberapa kumpulan penunggang basikal tiba dengan basikal-basikal berjenama terkenal seperti S-works, Cervello, Pinarello yang dipadukan dengan 'wheelset' idaman termasuk yang berjenama Lightweights, Cadex, Roval, DT Swiss membuatkan saya terasa kerdil sekali. Hanya semangat dan azam sahaja yang menjadi bekalan untuk mencapai sasaran berada pada kedudukan terbaik dan menghabiskan kayuhan dalam tempoh 24 jam. Sungguhpun begitu, kegusaran sedikit reda apabila beberapa orang sahabat baik dari Malaysia yang tinggal di Taipei hadir memberikan semangat dan bantuan di garisan permulaan.



Laluan kayuhan dari utara ke selatan Taiwan

Cabaran kini bermula. Tepat jam 12 tengah malam, para peserta kayuhan mula dilepaskan. Pelepasan kayuhan ini dilakukan secara seorang demi seorang sebagai mematuhi penjarakan fizikal bagi mengekang penularan pandemik covid-19 pada waktu tersebut. Sebelum dilepaskan, para peserta wajib melalui saringan yang ketat termasuk pengambilan suhu badan dan menandatangani borang pengesahan berkaitan. Pemeriksaan lampu depan dan belakang selain ves keselamatan adalah antara barangan wajib bagi memastikan keselamatan semua peserta. Beg atau barangan keperluan untuk kegunaan selepas tamat kayuhan juga perlu diserahkan kepada pihak urus setia dan boleh dituntut di garisan penamat.

Suasana kayuhan pada malam itu terasa begitu meriah sekali. Kelipan cahaya merah dan putih lampu daripada lebih kurang 500 buah basikal peserta yang masih dalam kumpulan besar memberikan panorama yang sangat menyerikan. Tambah mengujakan, suara sorakan peserta yang bersahut-sahutan menghidupkan lagi suasana kayuhan malam itu. 20 Kilometer pertama kayuhan dari Rumah Api Fuguijiao terasa sedikit mencabar kerana terpaksa melalui beberapa laluan pendakian lantas membuatkan saya tertinggal dalam peloton kedua. Tanpa berlengah masa lagi, saya meningkatkan kelajuan kayuhan untuk mengejar peloton pertama di hadapan. Kayuhan yang sedikit laju daripada kebiasaannya ini telah menyebabkan jantung berdegup kencang dengan kadar nadi mencecah 180 degupan seminit. Saya mulai gusar kerana kadar nadi sudah mencecah zon bahaya. Mengikut perkiraan umur, kadar nadi selamat adalah di bawah 172 degupan seminit.

Kaki terus dikerah untuk mengayuh mengejar peloton di hadapan. Saya juga berusaha mengawal kadar nadi agar tidak terlalu lama berada dalam zon bahaya. Akhirnya saya berjaya mengejar dan masuk ke dalam peloton hadapan. Saya berasa sedikit lega, dapatlah menumpang angin seketika dan rehat sebentar selepas bekerja keras mengejar sebelum ini. Seketika di dalam peloton, saya rasakan tenaga semakin pulih dan kadar nadi juga sudah berada dalam zon selamat, saya memotong satu per satu peserta di hadapan sehingga berjaya melakukan breakaway meninggalkan peloton.

Saya terus mengayuh ke hadapan dan tidak menoleh ke belakang lagi. Kini saya mampu tersenyum dan menghembus nafas lega. Namun langit tidak selalunya cerah. Dalam keterujaan berada di hadapan, saya merasakan ada sesuatu yang pelik sedang berlaku. “Mengapa langsung tidak ada peserta di belakang?” Kata di dalam hati kehairanan. Saya pun berhenti seketika untuk melihat dan menanti kelibat peserta lain atau kenderaan marshal muncul. 5 minit berlalu sepi tanpa kelihatan satu kelibat pun, akhirnya saya sedar bahawa saya telah tersesat jalan. Tanpa berfikir panjang, saya membuat keputusan berpatah balik ke simpang utama sejauh 1.7km.

Alhamdulillah, akhirnya saya berjaya menemui semula peserta lain. Kelihatan di hadapan sekelompok peserta seramai 7 orang sedang gigih berkayuh. Saya membuat keputusan untuk mengekori sahaja mereka dari belakang dengan harapan dapatlah melepaskan lelah selepas tersesat sebentar tadi. Namun apa yang berlaku tidaklah seperti yang diharapkan, kelompok 7 orang peserta ini berkayuh sedikit laju dan ini membuatkan saya untuk mengerah lebih banyak tenaga untuk terus mengekori mereka. Harapan yang tadi setinggi gunung, kini hampa! Setelah seketika mengekori mereka, saya mulai berfikir, sekiranya berterusan berkayuh dengan kelajuan melebihi 35km/j begini, mungkin saya hanya mampu bertahan untuk 200km pertama sahaja ataupun mungkin kurang daripada itu.

Biarpun dalam keletihan mengayuh mengikuti kelajuan mereka, saya sempat bertegur-sapa serta berkenalan dengan beberapa peserta. Paling saya ingat ialah peserta bernama James. Disebabkan dia agak fasih berbahasa Inggeris, maka perbualan kami menjadi sedikit panjang dan seolah-olah kami telah lama mengenali satu sama lain. Menurut James, dia telah mengikuti acara ini sebanyak 3 kali. Kami turut berkongsi pengalaman masing-masing terutamanya pengalaman dalam dunia basikal. James merupakan seorang ahli perniagaan dalam bidang reka bentuk dan pengedar kelengkapan bilik air yang mempunyai cawangan pemasaran di Eropah dan juga Singapura. Kami terus mengayuh dan berhenti bersama-sama di setiap check-point. Keserasian kami berdua juga mampu meninggalkan peserta lain dalam kelompok tersebut.

Saya berasa begitu bertuah sekali dapat mengenali James. Bukan sahaja dapat menumpang pengalamannya dalam acara ini, malah turut diberi bantuan oleh kenderaan sokongan yang mengiringi James. Diiringi kenderaan sokongan yang membawa segala kelengkapan, peralatan serta makanan dan minuman dalam acara seperti ini sememangnya suatu tuah yang tidak dijangka, tambahan lagi bagi saya yang menyertai acara ini secara sendirian tanpa sebarang bantuan atau sokongan. Syukur, melalui perkenalan ini tidaklah saya keseorangan menempuh cabaran kayuhan 24 jam tanpa tidur ini.



Liputan akhbar tanah air beberapa hari sebelum acara



Berkayuh bersama-sama kenalan baru



Menunaikan solat di luar Televen

Memandangkan James juga adalah peserta perseorangan, maka mudah untuk kami membina persefahaman untuk terus mengayuh bersama-sama sehingga ke garisan penamat. Sekiranya perlu berhenti, kami juga akan sama-sama berhenti dan menunggu satu sama lain. Paling di ingati apabila James sanggup menunggu untuk berhenti solat apabila tiba waktunya. Kini saya memahami, bahawa tiada yang dapat memisahkan semangat setia kawan, hatta berbeza agama sekali pun. Atas dasar setia kawan, saya juga memperlakukan kayuhan sekiranya James tertinggal agak jauh di belakang. Selalu sahaja James menjerit memanggil dari belakang. “Moss, man yi dian, ni qi tai kuai le”, jeritnya dalam Bahasa Mandarin yang bermaksud “Moss, perlahankan kayuhan, kamu kayuh laju sangat”. James turut meminta tidak melepasi kelajuan 33km/j agar dia tidak terputus mengikuti. Saya menuruti sahaja permintaannya itu dan sebagai tanda menghormati James, saya tidak memberitahunya langsung tentang misi kayuhan terpanjang dalam acara tersebut. Meskipun begitu, James tetap optimis bahawa kami akan tiba di garisan penamat dalam tempoh yang ditetapkan dengan kelajuan tidak kurang 27 km/j. Lantas, kami pun sedaya-upaya berkayuh bagi mengekalkan rentak kayuhan agar tidak turun di bawah 27 km/j.

Dalam perjalanan menuju penamat, sesekali kami akan berhenti rehat di 7 Eleven. Saya mengambil peluang ini untuk mengalas perut dengan menjamah onigiri, minuman penambah tenaga dan coklat sneakers bekalan tenaga untuk meredah panas mentari sekitar 26 darjah pada waktu tengahari dan petang. Sesekali 2 orang kru yang mengiringi James merakam gambar kami sedang mengayuh.

Setelah mengayuh hampir 14 jam, kami akhirnya tiba di pusat pemeriksaan terakhir di kilometer ke 390. Saya agak terkejut apabila James memberitahu dia menamatkan kayuhannya di situ. Saya ingat dia akan bersama-sama untuk menamatkan kayuhan sehingga ke penghujung 510km acara tersebut. Rupanya dia hanya terlibat sebagai peserta bagi acara 390km. Setelah selesai proses pengesahan di pusat pemeriksaan, kami berehat seketika dan kemudiannya merakam gambar bersama-sama sebagai kenang-kenangan. Kami juga sempat bertukar nombor telefon untuk terus berhubung. Sebelum meneruskan perjalanan, James memberi kesemua baki energy bar dan coklat yang ada dipoketnya sebagai bekalan untuk mengharungi baki perjalanan sejauh 130KM menuju garisan penamat. Sesungguhnya, perkenalan bersama James adalah sesuatu yang indah untuk dikenang sampai bila-bila. Terima kasih James!



Semangat membara hingga ke garisan penamat

Sambil melayani perkenalan indah bersama James, ada kejutan datang menyapa. Pihak urusetia di pusat pemeriksaan tersebut memaklumkan bahawa saya sedang berada pada kedudukan kedua keseluruhan bagi acara 510km. Menurut mereka lagi, peserta pertama berada lebih kurang 40 minit di hadapan. Semangat juang kini kembali membuak. Saya bertekad untuk mengekalkan kedudukan kedua dan turut berazam untuk mengejar peserta pertama. Mungkin ada rezeki dan nasib berpihak kepada saya. Apa yang penting, saya harus cuba sehabis baik. Lagipun, kini saya boleh berkayuh mengikut kelajuan saya sendiri. Maka, saya cuba semampu yang boleh.



Cabaran 510km ditamatkan dalam masa 18 jam 13 saat





Liputan kejayaan di akhbar tanah air



Medal kejayaan

Cahaya matahari kian terbenam di sebalik bukit. Begitulah juga kayuhan yang semakin perlahan. Kudrat sedikit keletihan dek beberapa kali meredah bukit yang panjang di 30 kilometer terakhir. Namun, demi mencapai misi, saya gagahkan juga kaki untuk kayuhan ini dalam masa 18 jam 13 minit bagi mencatat nama dalam buku rekod. Setelah berhempas pulas mengerah kudrat, saya akhirnya sampai di Bandar Kenting. Semangat kian bertambah setelah melihat Rumah Api Eluanbi yang tersergam indah di puncak bukit di tepi laut. “Saya sudah semakin hampir ke garisan penamat”, bisik dalam hati lantas mempercepatkan kaki untuk semakin kuat mengayuh. Penat lelah yang dirasakan sebelum ini sudah tidak dihiraukan lagi sehinggalah saya mendengar tepukan daripada penonton dan pihak urusetia di garisan penamat. Alhamdulillah, saya berjaya menamatkan cabaran Malaysia Book of Records sebagai “The Fastest To Complete The Length of Taiwan”. Inilah kenangan paling manis dalam hidup. Kejayaan saya telah mendapat liputan meluas di dada akhbar tanah air. Ribuan ucapan tahniah juga diterima dari ahli keluarga, sahabat dan peminat sukan basikal dari pelbagai saluran media sosial.



Sijil Malaysia Book of Records




Perkongsian pengalaman di siaran TV Malaysia

TERPUTUS CABLE GEAR



“Nothing much we can do to help you. You may stop here if you wish as there are two more mountains ahead and it is very very tough with your broken gear”. Perasaan hampir luluh apabila mendengar kata-kata itu daripada pekerja yang bertugas di pusat pemeriksaan No. 7 di Kilometer 547 dalam cabaran Taiwan Randonneurs. Walaupun saya mengetahui, adalah menjadi tanggungjawab setiap peserta untuk memastikan basikal berada dalam keadaan baik sebelum acara, namun terputusnya kabel gear atau rear derailleur semasa acara adalah suatu kerosakan diluar jangka. Masalah seperti ini sangatlah jarang terjadi, apatah lagi basikal baru sahaja diselenggara seminggu sebelum acara ini berlangsung.

Kayuhan sejauh 600km dengan pendakian sembilan gunung tersebut masih lagi berbaki 53 km dengan dua lagi pendakian gunung. Masa yang tinggal pula hanya berbaki kurang 4 jam sebelum Cut off Time 40 jam berakhir pada jam 10 malam. Situasi ini benar-benar menguji mental. Kedai basikal pun tiada di lokasi berdekatan dan jika ada pun, mungkin sudah tutup atau tiada kemahiran membaiki atau menukar kabel gear atau rear derailleur untuk basikal Giant TCR yang saya gunakan.



Menolak basikal apabila tidak mampu lagi mengayuh



Hanya 2 orang peserta yang berjaya menghabiskan cabaran

Menamatkan kayuhan di pusat pemeriksaan dengan status DNF atau Did Not Finish sememangnya tiada dalam kotak fikiran sepanjang menyertai tiga siri Taiwan Randonneurs sebelum ini. Kayuhan yang sudah melebihi 80 peratus ini akan menjadi sia-sia sekiranya saya DNF tanpa cuba menghabiskannya.

Luka-luka kecil di kaki dan tangan akibat kemalangan kecil melanggar motosikal di tepi jalan awal pagi tadi masih lagi terasa. Mungkin saya terlalu letih berkayuh tanpa tidur dan rehat secukupnya. Tiada kata-kata yang lebih baik pada waktu itu

selain berkata “Ya Allah, mudahkan perjalananku ini dan cukuplah ujian yang aku terima untuk kayuhan kali ini”.



Bantuan daripada pengguna jalan raya lain



Hampir putus asa apabila terlibat dalam kemalangan



Laluan pendakian yang indah tetapi mencabar

Selepas meminum setin kopi dan memakan sebiji pisang saya pun menyiapkan diri untuk meneruskan baki kayuhan. Saya tiada pilihan melainkan nekad untuk terus berjuang selagi terdaya. Seperti kata pepatah, patah sayap bertongkat paruh, walaupun mengalami kerosakkan pada fungsi utama basikal terutamanya untuk kayuhan di laluan pendakian. Untuk pendakian gunung kebiasaannya saya akan menukar gear belakang kepada yang paling besar iaitu 34T, tetapi dengan kecacatan fungsi ini, saya hanya boleh menggunakan single gear sahaja, iaitu dengan cassette yang paling kecil 11T. Maka, seluruh kudrat kaki terpaksa dikerah untuk memungkinkan sampai ke puncak.

Saya memaklumkan kepada pegawai bertugas yang saya tetap mahu meneruskan kayuhan dan ingin mencuba setakat termampu. Walaupun agak terkejut dengan keputusan tersebut, pegawai tersebut mengucapkan “Jiayou” yang bermaksud semoga berjaya. Sebaik sahaja mengisi air minuman dan memastikan Brevet Card telah dicop, saya terus memulakan kayuhan yang saya sendiri boleh rasakan, bakal menjadi kayuhan yang sangat mencabar.



Laluan yang penuh dengan pokok pinang

Cahaya semakin samar, malam makin larut dan selepas 5km berkayuh, saya mula melakukan pendakian di gunung pertama. Belum sempat sampai ke puncak, cabarannya semakin kian terasa. Saya hanya mampu bertahan mengayuh sehingga separuh gunung sahaja dan terpaksa melakukan pergerakan zig zag ke kiri dan kanan hingga ke bahu jalan agar basikal terus bergerak. Kecuraman dan pendakian yang panjang benar-benar menguji kecekalan.

Dalam kegelapan malam, saya melihat kerdipan cahaya merah dari jauh di hadapan. Saya berusaha menekan pedal untuk merapati kerdip cahaya itu. Apabila sudah dekat, saya melihat ada seorang pengayuh basikal yang sedang menolak basikalnya. Lantas saya menegurnya dalam bahasa mandarin “ni hao, ni yao qu nali” bertanya dia hendak ke mana. Menurutnya, dia tinggal tidak jauh dari kawasan pergunungan tersebut. Katanya, dia sudah tidak larat lagi mengayuh meredah kecuraman pendakian yang panjang sekitar 18 hingga 21 darjah. Dia turut memberitahu bahawa ada beberapa lagi laluan pendakian curam di hadapan sebelum bermulanya laluan menuruni gunung yang pertama. Sambil berkayuh perlahan bersama-sama kenalan baharu yang sedang menolak basikalnya, sempat kami bersembang seketika sebelum saya meninggalkannya.

Setelah beberapa ketika bergerak dengan kayuhan secara zig zag yang amat perlahan, akhirnya saya menyerah kalah dan mula menolak basikal. Saya berehat sebentar sehinggalah bertemu kembali pemuda tadi. Kami bersembang sambil menolak basikal dan dia sempat merakam gambar saya menolak basikal.

Memandangkan saya mengejar masa, sampai sahaja di laluan yang sedikit landai, saya meminta diri dan terus meninggalkan pemuda tersebut. Saya terus mengayuh dalam kegelapan malam bertemankan 2 buah lampu yang berkekuatan 1000 lumen yang cukup terang menyuluh laluan. Sekali-sekala saya menghiburkan hati dengan menyanyi lagu kegemaran “memburu impian” nyanyian Kaza diselang-selikan dengan selawat dan tasbih. Saya menyukai kata-kata ungkapan dalam lagu tersebut yang memberi semangat melawan keletihan untuk menamatkan kayuhan dalam tempoh masa 40 jam termasuk masa rehat.

Saya terus mengerah sepuh kudrat meredah kegelapan malam yang dingin. Seseekali datang angin menderu, menambahkan kedinginan malam yang sudah sedia dingin. Maka, terpaksa juga saya menyarung “windbreaker” nipis yang sentiasa terselit di poket beg basikal.



Berhenti rehat sambil menikmati keledek bakar



Melalui laluan bandar di Wilayah Nantou

Sambil melihat peta navigasi pada Bryton 750 yang baru diterima dengan fungsi tunjuk arah yang lebih baik, mata saya sentiasa terarah kepada baki jumlah jarak yang perlu dihabiskan selain suhu persekitaran dan jumlah ketinggian yang dilalui. Dalam perjalanan di kawasan pergunungan terpencil yang jarang dilalui kenderaan khususnya pada malam hari, tanpa bantuan navigasi yang baik, pastinya saya akan tersesat. Dalam keadaan sebegitu, komputer basikal lebih berguna daripada telefon bimbit. Saya sentiasa memastikan komputer basikal sentiasa dalam mod terbaik serta bateri yang mencukupi. Komputer basikal adalah nadi kayuhan yang mana semua data dan maklumat kayuhan boleh dilihat dan di simpan. Degupan seminit jantung sentiasa berada di zon yang selamat di bawah 170 degupan seminit walaupun ketika membuat pendakian.



Teman semasa kayuhan



Laluan pendakian di kawasan ladang teh

Akhirnya saya dapat menarik nafas lega. Syukur, meskipun dengan keadaan basikal yang kerosakkan fungsi, saya berjaya juga sampai ke puncak biarpun dengan kelajuan yang sangat perlahan sekitar 7 ke 8 kilometer sejam sahaja. Saya kemudiannya terus meluncur laju menuruni gunung melepaskan geram yang ditahan beberapa jam sebelumnya sehinggalah memulai mendaki gunung yang terakhir.

“Ya Allah, aku sudah tidak mampu lagi mengayuh...”, hatiku mulai merintih. Kaki yang terasa hampir kejang semasa membuat pendakian sebelumnya pun belum lagi lega. Keperitan dan kesakitannya tidak mampu ditahan lagi. Tiba-tiba air mata mula mengalir membasahi pipi. Entahlah, saya sendiri pun tidak pasti, adakah ini air mata kesedihan atau air mata menahan kesakitan? Perasaan mulai goyah, semangat turut meluntur walaupun perjalanan hanya berbaki sekitar 37 kilometer sahaja lagi. Saya sekali lagi terpaksa turun menolak basikal dengan masa yang tinggal hanya 2 jam 30 minit sebelum acara tamat.



Sentiasa bersemangat menghadapi cabaran



Menyegarkan badan



Melalui laluan cerun yang merbahaya

Dalam keadaan genting begitu, saya mencapai telefon bimbit dan menghubungi sahabat baik bernama Khairun Najmi yang berada di Malaysia. Beliau adalah antara yang mula-mula meracun jiwa untuk terjebak dalam dunia roadbike ketika saya baru sampai di Taiwan 3 tahun lalu. Saya sengaja tidak menghubungi keluarga kerana mengetahui tindakan itu tidak akan menyelesaikan masalah malah, akan membuatkan mereka bertambah risau memikirkannya. Dalam panggilan video tersebut, beliau amat terkejut apabila mendengar cerita dan cabaran yang saya hadapi ketika itu. Beliau tidak putus memberikan kata-kata semangat. Suaranya yang menyuntik semangat jelas keluar daripada corong pembesar suara telefon memecah kesunyian di saat saya melalui kawasan pergunungan itu. “Cuba setakat yang mampu, kawan-kawan sentiasa mendoakan kejayaanmu. Insya-Allah kami semua yakin kemampuanmu”

Saya kembali bersemangat, terus bertenaga untuk melakukan pendakian di gunung yang terakhir ini. Segala perasaan negatif termasuklah rasa sakit yang sedang dialami, saya cuba untuk tinggalkan di situ agar tidak mengganggu kayuhan menuju ke garisan penamat. Gunung terakhir tersebut akhirnya berjaya ditawan. Tanpa menoleh ke belakang lagi, saya terus memecut sehinggalah kelihatan kerdipan cahaya lampu bandaraya Taichung. Ini bermakna, saya sudah hampir ke garisan penamat cabaran kayuhan 600km meredah turun naik sembilan buah gunung.



Meredah gunung di kegelapan malam

Alhamdulillah, akhirnya sampai juga di 7 Eleven yang merupakan pusat pemeriksaan terakhir. Dari pusat pemeriksaan ini hanya tinggal 8 kilometer sahaja lagi untuk tiba ke garisan penamat. Di situ saya mengambil kesempatan meneguk sebotol minuman tenaga Redbull sebagai bekalan tenaga terakhir menuju ke garisan penamat. Dengan penuh semangat saya terus membuat pecutan terakhir menuju ke garisan penamat. Kelihatan di situ pegawai bertugas telah pun bersedia untuk mengesahkan segala resit, bacaan meter dan Brevet Card untuk acara Taiwan Randonneurs ini. Selesai semuanya, pegawai bertugas mengucapkan tahniah atas kejayaan mengharungi cabaran tersebut walaupun mengayuh dengan hanya menggunakan single gear di sepanjang laluan dua gunung terakhir. Dua peserta di belakang juga berjaya sampai di minit-minit terakhir sebelum tempoh masa tamat, sementara 3 peserta lagi DNF di 200km pertama.



Matt Moss 🇲🇾

🚴 October 8, 2021 at 6:53 AM ·
Nansong Village, Taichung

MBOR Highest Elevation

Distance | Elev Gain | Achievem
1,017.95 km | 12,066 m | 🏆🥈🥉



Congratulations, this activity completed the Go Get Lost by B...

5h 0m




Rekod kayuhan elevation tertinggi MBOR

Saya amat bersyukur dengan kemampuan mengatasi segala ujian yang dirasakan sendiri sangat mustahil untuk ditempuhi. Semangat dan keyakinan diri yang tinggi ditambah dengan sokongan yang tidak putus dari ahli keluarga, sahabat dan penyokong menjadi pendorong sehingga saya berjaya melakukannya. Alhamdulillah.



Brevet Card yang menjadi bukti di setiap check point yang dilalui



Pengiktirafan MBOR bagi kayuhan dengan altitud terkumpul tertinggi



Medal berwarna emas kejayaan kayuhan 600km



5 peserta yang menerima cabaran kayuhan 600km



Kelengkapan asas yang dibawa bersama



Hanya tinggal 3 peserta di check point kedua



Pengiktirafan MBOR untuk Highest Elevation Gain in Cycling Challenge by Individual

PANGGILAN PULAU



Taiwan merupakan sebuah negara yang dikelilingi oleh ratusan gugusan pulau-pulau di sekelilingnya dan setiap gugusan pulau ini sudah tentunya mempunyai tarikannya yang tersendiri. Antara pulau-pulau sering menjadi tumpuan adalah Penghu, Kinmen, Matsu, Green Island, Turtle Island dan Little Liuqiu. Selain keindahan pantai dan alam semula jadinya, pulau-pulau kecil ini turut menyajikan pengalaman yang berbeza dan pastinya tidak akan dapat ditemukan di tempat lain di Taiwan. Budaya masyarakat setempat serta sejarah setiap pulau ini menjadi tarikan utama pengunjung untuk bertandang ke pulau-pulau ini. Dari segi perhubungan pula, pulau-pulau ini dihubungkan menggunakan feri dan kapal terbang sebagai pengangkutan utama bagi menghubungkan pulau-pulau ini dengan tanah besar.



Teluk yang menjadi salah satu tarikan utama di Pulau Penghu



Gerbang di pintu masuk pelabuhan utama Pulau Liuqiu



Flower Vase Rock di Pulau Liugu

Kesempatan menjelajah ke beberapa buah pulau utama termasuk Penghu, Kinmen, Keelung, Jiangong dan Little Liugu adalah sesuatu yang saya idam-idamkan, apatah lagi melakukannya dengan berbasikal. Pengalaman ini pastinya menjadi sesuatu yang menarik dan tentunya tidak akan saya lupakan. Bagi saya, berbasikal adalah medium terbaik untuk menjengah ke seluruh pelusuk dan ke segenap ceruk lebih-lebih lagi ke kawasan yang mungkin tidak dapat dilalui oleh kenderaan lain yang lebih besar. Kebiasaannya, sebelum memulakan sesuatu perjalanan atau menjelajah ke mana-mana tempat, saya akan melakukan sedikit kajian tentang tempat yang akan dikunjungi serta membuat carian berkaitan sumber makanan halal atau vegetarian food. Basikal saya turut akan dipastikan berada dalam keadaan baik sebelum memulakan sesuatu perjalanan atau penjelajahan. Sekiranya, perjalanan itu memerlukan saya untuk menaiki bas atau feri, basikal akan dibungkus dengan kemas dan sempurna agar tidak mengundang sebarang masalah semasa melakukan penjelajahan.

Kepulauan Penghu terletak di pantai barat Taiwan dan terbentuk daripada 90 gugusan pulau-pulau kecil. Terdapat 3 pulau utama di Kepulauan Penghu ini, sementara Bandar Magong menjadi tarikan utama pengunjung di sini. Bandar Magong turut menjadi tempat pelabuhan bagi feri-feri utama untuk ke kepulauan ini. Selain itu, terdapat sebuah jambatan panjang yang menghubungkan dua pulau utama yang lain iaitu Pulau Baisha dan Xiwu. Kita boleh menjelajah Pulau Penghu ini dengan

pelbagai pilihan kenderaan seperti kereta, motosikal atau basikal sewa yang banyak terdapat di kawasan bandar.

Saya begitu bersemangat untuk menjelajah ke seluruh pulau yang mendapat jolokan sebagai “Pearl of Taiwan” ini. Berdasarkan sedikit pembacaan mengenai kecantikan dan tarikan pulau ini, saya yakin penjelajahan ini pastinya menjanjikan sesuatu yang sangat menarik.



Laluan mengelilingi pulau yang selamat dan selesa


Semasa menjelajah ke Pulau Penghu baru-baru ini, saya memilih untuk menaiki bas daripada Bandaraya Taipei sebelum menaiki feri di Budai Harbour yang terletak di Wilayah Chiayi. Perjalanan menaiki bas dari Taipei Main Station ke Wilayah Chiayi mengambil masa lebih kurang lima jam dengan tambang berharga NT220 atau lebih kurang RM35.

Setibanya di pelabuhan, terdapat beberapa pilihan feri untuk ke Bandar Magong. Sebagai bandar utama di kepulauan Penghu, Bandar Magong menempatkan pusat pentadbiran, dan beberapa kemudahan seperti hotel, pusat membeli-belah dan banyak lagi untuk kegunaan pengunjung dan penduduk setempat. Harga tiket satu hala untuk ke Pulau Penghu adalah NT1000 atau lebih kurang RM140. Sebagai prosedur keselamatan sebelum berlepas, saya perlu melalui pemeriksaan pasport, tiket dan bagasi yang dilakukan dengan ketat oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Sepanjang perjalanan selama 90 minit di dalam feri itu saya lebih suka duduk di tepi tingkap dan sekali-sekala berada di atas dek untuk menikmati keindahan lautan dan pulau-pulau di sepanjang perjalanan.

Setibanya di hotel penginapan dan setelah menikmati makan malam, saya pun memeriksa dan mempersiapkan basikal untuk kayuhan yang panjang pada keesokan harinya. Makanan laut yang segar dengan harga yang berpatutan menjadi pilihan utama apabila berada di Pulau Penghu.



Membawa basikal di dalam bas dan feri



Basikal dibawa bersama di dalam bas



Pelabuhan Magong di Pulau Penghu

Tepat jam 6.00 pagi, saya memulakan penjelajahan dari hotel penginapan yang terletak di Bandar Magong. Dari segi masa, saya amat menepati perancangan yang telah dibuat meskipun saya berkayuh secara solo. Ini bagi memastikan saya dapat sampai ke semua lokasi tarikan utama dan dapat meluangkan masa mengamati serta menikmati setiap tarikan yang ada. Suasana pagi yang tenang yang diiringi gemersik deruan ombak pantai dan kicauan burung mula berterbangan sangatlah menyegarkan. Saya menyusuri jalan bandar mengikuti peta navigasi yang telah dimuat naik dalam komputer basikal Bryton 750 yang saya anggap sebagai nadi utama dalam penjelajahan ini. Penggunaan komputer basikal amatlah penting semasa kayuhan untuk melihat jarak, kelajuan, degupan jantung, kaden, ketinggian, suhu selain fungsi pandu arah dan rekod kayuhan.



Gambar kenangan di arca selipar yang menarik

Pada hari kedua di sini, seawal jam 4 pagi lagi saya sudah bangun. Saya begitu teruja untuk memulakan kayuhan penjelajahan di ketiga-tiga buah pulau di Kepulauan Penghu ini. Setelah menunaikan solat subuh dan mengalas perut dengan roti dan kopi panas, saya menyiapkan diri dan memeriksa basikal bagi memastikan aspek keselamatan dan kelancaran semasa kayuhan nanti.

Lazimnya saya mengambil masa sekitar 10 ke 15 minit untuk memeriksa dan mempersiapkan basikal yang disimpan di dalam beg khas yang saya gunakan untuk membawa basikal semasa perjalanan jauh. Kelengkapan lain seperti “computer bike” yang merupakan nadi kayuhan, bekalan tiub, tools asas basikal, telefon dan powerbank turut akan dipastikan sudah tersedia dalam keadaan baik. Bak kata pepatah, sediakan payung sebelum hujan. Kesemua kelengkapan ini amatlah penting semasa melakukan perjalanan panjang seperti ini. Kita tidak tahu, apakah dugaan yang mungkin kita hadapi dalam perjalanan kelak.



Bersama Pak Jusuf, sahabat yang sentiasa memberi sokongan



Lampu dan komputer basikal yang sentiasa dalam keadaan sempurna




Laluan basikal di sekitar kincir angin

Setelah mengayuh sejauh 35 kilometer menyusuri Tour Bike 51 yang menjadi laluan utama pengayuh basikal untuk menjelajah Kepulauan Penghu, saya sampai di Zhongtun Park. Di laluan khas basikal di taman seluas 9.6 hektar ini tesergam megah lapan buah kincir angin gergasi yang menjadi sumber tenaga hijau bagi keperluan setempat.

Kawasan taman dengan kincir angin gergasi ini menjadi salah satu mercu tanda dan tarikan di Kepulaun Penghu. Pemandangan taman yang indah ini turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti laluan pejalan kaki dan berbasikal menjadikan taman ini tarikan untuk pelbagai aktiviti seperti berkelah, hiking dan berbasikal. Benarlah kata pepatah, hujan emas di negeri orang.



Deretan kincir angin yang berdiri tegak



Suasana laut yang mendamaikan

Setelah memerah keringat mendaki bukit yang panjang, akhirnya saya sampai ke Xiyu Lighthouse yang merupakan rumah api yang tertua di Taiwan. Terletak di titik paling selatan pulau, rumah api yang dibina pada tahun 1778 sentiasa menjadi tumpuan pelancong. Di dalam kawasan rumah api ini terdapat beberapa meriam lama yang digunakan untuk mempertahankan kawasan ini dari serangan musuh. Saya sangat teruja menyaksikan persekitaran rumah api ini yang begitu bersih dan mendamaikan sesuai dengan warna putih di hampir keseluruhan struktur di sini termasuk tembok yang menghala ke arah laut.



Pemandangan indah dari kawasan tanah tinggi



Rumah Api yang tertua di Taiwan


Setelah berkayuh di kawasan tinggi dan berbukit, penjelajahan diteruskan ke kawasan teluk yang diiktiraf sebagai kawasan teluk yang tercantik di dunia. Ternyata benar, di sepanjang kayuhan di situ, saya begitu asyik menyaksikan keindahan pantainya yang dihiasi pasir yang memutih serta pemandangan air laut yang membiru. Justeru, tidak hairanlah kawasan ini diiktiraf sebagai “ The Most Beautiful Bay In The World” seperti yang tertera pada sebuah monumen yang didirikan di sini. Saya sempat merakam gambar di situ sebagai tanda kenang-kenangan. Saya yakin, keindahan teluk ini pastinya meninggalkan kenangan indah buat sesiapa sahaja yang pernah sampai ke sini dan tentunya keindahan ini akan menjadi ‘panggilan pulau’ untuk berkunjung semula buat kesekian kalinya.

Selain itu, Rainbow Bridge turut menjadi tempat yang menjadi tumpuan ramai tidak kira pada waktu siang ataupun malam. Pelbagai acara utama termasuk di peringkat antarabangsa diadakan di sekitar kawasan ini seperti pertunjukan bunga api, konsert, acara perahu layar, triathlon dan sebagainya. Angin dan ombak yang deras yang sesekali membadaai tembok laluan basikal dan pejalan kaki di Rainbow Bridge ini sekali-sekala terasa memercik membasahi muka. Sungguh, ini adalah pengalaman yang indah dan menyeronokkan sepanjang penjelajahan kali ini.

Setelah berbasikal sejauh 150 kilometer, penjelajahan saya di Kepulauan Penghu akhirnya selesai. Saya tiba di hotel penginapan menjelang waktu maghrib. Saya berasa begitu puas sekali. Kepenatan tidak lagi terasa dek pelbagai pengalaman indah dan berharga yang diperolehi. Sikap peramah masyarakat setempat yang sudi berbual mesra, anggota bomba yang memberikan minuman dan membantu membetulkan tayar basikal yang bocor sangat menyentuh jiwa. Ternyata, kepulauan ini amatlah sesuai dengan jolokannya, “ The Pearl of Taiwan”.



Mercu tanda di laluan basikal



Terowong Zhaisan yang bersambung dengan laut



Juguan Tower dengan senibina tempatan yang unik



Kubu dan bunker peninggalan perang



Deretan cerucuk besi penghadang kapal

Selain Penghu, pengalaman unik juga saya melalui semasa menjelajah Pulau Kinmen yang terkenal dengan sejarah dan peninggalan perang, khususnya perang Hujingtou. Pulau ini terletak hanya 3km dari Tanah Besar China tetapi berada di dalam pentadbiran Taiwan. Menaiki kapal terbang dengan tambang sekitar RM280 sehala adalah satu-satunya pengangkutan ke pulau ini dari Taiwan. Saya sempat meneroka pulau Lieyu dan Pulau Jiugong yang terletak dengan pulau utama ini. Menariknya, hampir keseluruhan pulau-pulau ini dikelilingi bunker, terowong bawah tanah serta cerucuk besi penghadang kapal di sepanjang pantai selain senjata dan kereta perisai di pesisir pantai.



Speaker besar yang menyiarkan propaganda anti-komunis di Pulau Kinmen



Kereta perisai peninggalan zaman perang



Monumen Perang yang terdapat di Pulau Kinmen

KING OF THE MOUNTAIN



Acara kayuhan yang sentiasa dinanti-nantikan cyclists dari serata dunia

Taiwan KOM (King of the Mountain) adalah sebuah perlumbaan basikal pendakian paling berprestij dan terbesar di Taiwan. Dengan statusnya sebagai perlumbaan antarabangsa (non UCI), perlumbaan ini sentiasa menarik minat ramai peminat kayuhan pendakian dari serata dunia. Perlumbaan ini biasanya disertai bukan sahaja oleh pelumba-pelumba amatir, bahkan turut disertai pelumba-pelumba profesional. Pasti pengalaman menyertai perlumbaan ini merupakan suatu pengalaman yang amat berharga. Selain itu, hadiahnya yang lumayan, iaitu bernilai NTD100,000 bagi pemenang setiap kategori juga menjadi antara faktor dalam menarik ramai penyertaan dalam perlumbaan ini. Siapa yang tidak mahu merebut hadiah yang begitu lumayan bukan?



Dengan jarak kayuhan sejauh 105km yang menampilkan 90 peratus daripadanya adalah laluan pendakian yang bermula dari altitud 0m hingga 3275m menjadikannya laluan KOM Taiwan antara laluan yang paling mencabar dan epik di dunia. Dari segi kecuramannya pula, laluan KOM Taiwan menawarkan pendakian dengan kecuraman atau gradient sehingga 27.3%, iaitu di laluan Hualien-Wuling. Bagi mereka yang pernah melalui laluan ini, pastinya biasa mendengargelaran ‘Killing routes’ yang menjadi jolokan kepada laluan yang serba mencabar ini. Bagi saya, bergantung pada kekuatan fizikal saja belum mencukupi untuk mengharungi laluan yang serba mencabar ini. Kekuatan fizikal haruslah disertai kecekalan serta ketahanan mental khususnya semasa mendaki untuk sampai ke pusat pemeriksaan sebelum cut off time (COT). Situasi ini menjadi satu cabaran dalam perlumbaan kerana kita bukanlah melakukan kayuhan pendakian yang bersifat santai dan riadah, sebaliknya perlu mengejar masa agar tidak tersingkir atau DNF.




Mengerah tenaga hingga ke puncak 3275m



Peserta KOM memulakan perlumbaan



Sumber: Taiwan KOM Facebook



Gambarajah pendakian dari altitud 0 ke 3275m

Prestij dan aura perlumbaan ini bukan sahaja dapat dirasai pada hari perlumbaan, bahkan telah terasa sebelum hari perlumbaan lagi. Maklumat sentiasa dikemas kini dari masa ke masa termasuklah maklumat berkaitan cuaca dan suhu di puncak gunung yang boleh berubah dalam masa yang singkat. Keselamatan yang menjadi aspek utama dititikberatkan oleh pihak penganjur. Selain cuaca, jalan yang menjadi laluan perlumbaan ini telah ditutup sepenuhnya dalam tempoh ditetapkan. Kru dan kenderaan sokongan penganjur turut diletakkan di sepanjang laluan selain di pusat pemeriksaan untuk memberi bantuan kepada pelumba sekiranya berlaku perkara di luar jangka. Selain itu, penganjur turut menyediakan 5 feed zone untuk para peserta mengisi perut dan menambah bekalan minuman.

Saya begitu kagum dengan penganjuran yang sangat lancar yang dilakukan oleh pihak penganjur serta sokongan yang diberikan pihak kerajaan dan penaja dalam menjayakan penganjuran perlumbaan ini. Peluang dan pengalaman pertama menyertai acara sebegini pastinya tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Terasa berbaloi mengeluarkan belanja besar untuk menyertai perlumbaan yang penuh prestij seperti ini. Hanya peminat basikal yang mengetahui dan memahami tentang pengorbanan yang perlu dilalui setiap penunggang basikal sebelum dan semasa acara sebegini.



Jersey yang menjadi impian setiap peserta



Menerima KOM Friendship Award dan Jersey KOM


Acara pelepasan perlumbaan ini dilakukan tepat jam 6 pagi selepas selesai sesi taklimat dan penyerahan barangan peribadi kepada pihak penganjur untuk dibawa penganjur ke garisan penamat. Kayuhan sejauh 18.3km pertama untuk kayuhan pemanas badan sangat mengujakan. Semua peserta berkayuh bersama dalam kumpulan besar dan tidak dibenarkan memotong pesuruhjaya. Walaupun hanya pemanas badan, tetapi kelajuan yang dibawa sekitar 27 ke 35kmj. Sungguhpun begitu, kayuhan tetap terasa santai kerana para pelumba masih boleh bersembang antara satu sama lain. Selepas tempoh pemanas badan tamat, barulah kayuhan pendakian sebenar bermula di Taroko National Park. Di sini kita dapat melihat pelumba-pelumba profesional sudah mula berpisah dan mencari rentak khususnya yang datang secara berpasukan. Turut kelihatan adalah kereta sokongan yang lengkap dengan peralatan mengiringi pelumba-pelumba ini. Saya menjadi sedikit teruja apabila berpeluang melihat pasukan-pasukan ternama di hadapan mataku. Jujur ini satu lagi pengalaman berharga bagi saya dalam dunia berbasikal ini.



Pantai Qixingtian yang indah



Laluan pergunungan dengan pemandangan indah



Antara pemandangan di laluan acara King of the Mountain sejauh 105Km

Sebagai peserta yang menyertai perlumbaan ini secara individu, bertegur sapa dan berkenal mesra dengan peserta lain sudah menjadi satu kemestian. Bukan sahaja untuk menambah teman, tetapi untuk menghilangkan kebosanan dan menghapuskan rasa letih ketika mengayuh. Lagi pula, dalam perjalanan panjang seperti ini, kita tidak tahu apakah yang mungkin akan terjadi. Teman-teman baharu inilah yang mungkin bakal membantu kita sekiranya kita mengalami masalah atau terkena sebarang musibah. Oleh sebab itulah saya sering mengambil pendekatan bertegur sapa dan berbaik dengan semua peserta dalam setiap acara yang disertai. Teman-teman ini juga mampu menjadi penyuntik semangat ketika berkayuh dan sudah menjadi budaya di sini, para peserta akan saling memberi semangat antara satu sama lain. Ada yang terlebih baik, siap menawarkan makanan dan sudi membantu apabila diperlukan. Saya bersyukur kerana sering dipertemukan dengan orang yang baik ketika berkayuh. Alhamdulillah.



Gambar kenangan bersama Maskot Taiwan KOM



Kegembiraan bila menerima Anugerah Khas

Walaupun kecederaan kaki dan lutut yang dialami semasa acara 1000KM dengan pendakian ketinggian 12K tiga minggu lepas belum pulih sepenuhnya, namun saya gagahkan juga untuk menyertai acara KOM Taiwan ini memandangkan kos yang besar telah dibayar termasuk urusan penginapan dan pengangkutan. Selain tidak mahu mengalami kerugian dari segi kos, saya juga tidak mahu rugi daripada merasai pengalaman menyertai perlumbaan yang berprestij lagi epik ini. Nasihat doktor yang meminta agar berehat sehingga kecederaan benar-benar pulih sebelum terlibat dalam apa-apa acara terpaksa diabaikan. Akibat 'kedegilan' itu, kesakitan dan keperitan sudah mulai terasa seawal di KM35 lagi. Saya terpaksa berhenti beberapa kali untuk menyembur ubat bagi meredakan kesakitan yang dialami. Terdetik juga di hati untuk berhenti rehat lebih lama, tetapi terpaksa saya lupakan dek kerana hasrat mahu menamatkan kayuhan dalam acara yang sudah sekian lama dinantikan ini. Sokongan berterusan daripada keluarga dan sahabat kayuhan menjadi pembakar semangat ketika itu. Genggam bara api, biar sampai jadi arang. Meskipun dalam kesakitan, saya teruskan juga mengayuh biarpun saya lebih banyak menggunakan kekuatan sebelah kaki sahaja untuk memacu kayuhan menuju ke garisan penamat.



Laluan di Taman Negara Taroko

Alhamdulillah, hasrat dan impian untuk melepasi dan menamatkan cabaran Taiwan KOM tercapai. Ini adalah satu kejayaan buat diri saya walaupun tidak berjaya berdiri di atas podium dan berada pada kedudukan terbaik. Ramai juga yang kecundang disebabkan pelbagai cabaran terutamanya dalam mengejar COT di pusat pemeriksaan. Pengalaman menyertai KOM buat pertama kali sangatlah berharga. Lebih manis, nama saya telah diumumkan untuk ke pentas bagi menerima Friendship Award berupa Trofi dan turut disarungkan jersi khas KOM 2021. Semoga anugerah ini terus menjadi pembakar semangat untuk terus berusaha menggapai impian dalam kayuhan khususnya dalam penghasilan buku 'My 360 Cycling Journey in Taiwan' Insha Allah... Dari lubuk hati yang paling dalam, saya sangat berterima kasih atas doa dan sokongan berterusan daripada semua.

Secara peribadi dan sebagai peminat kayuhan pendakian, memasuki KOM adalah satu PENCAPAIAN, menamatkan kayuhan dalam COT satu BONUS dan podium adalah LUAR BIASA. Semoga ada nama pelumba Malaysia terpahat di tangga teratas KOM Taiwan dari kalangan generasi muda Malaysia suatu masa nanti. Insha Allah.



Hadiah Kejayaan menamatkan cabaran KOM



Bersedia di garisan permulaan perlumbaan

KAYUHAN SALJI



Peluang dan kesempatan tidak akan datang selalu. Walaupun sudah beberapa tahun bermastautin di negara yang mempunyai empat musim, namun saya belum pernah merasai pengalaman menikmati atau bermain salji, apatah lagi berbasikal semasa cuaca bersalji. Sebelum ini, saya hanya melihat di kaca TV atau di media sosial. Saya berasa amat teruja apabila melihat orang bermain salji sambil mengepal-ngepal ais atau membuat orang salji.

Sebaik sahaja mendapat perkhabaran mengenai turunnya salji dari berita yang dibaca, saya berasa begitu teruja dan nekad untuk merasai sendiri pengalaman bermain salji. Salji telah turun di kawasan pergunungan di wilayah tengah Taiwan pada hari pertama. Saya terfikir, kenapa tidak saya mencabar diri untuk berbasikal walaupun sangat jarang dilakukan orang?. Lantas saya menghubungi sahabat, Edricet Fazriel yang tinggal di Taichung. Anak muda Indonesia ini sangat hebat dalam pendakian gunung dan merupakan penunggang basikal terbaik Indonesian Cyclists in Taiwan (ICT). Kami telah kenal lama dan sama-sama mengikuti pelbagai acara perlumbaan di Taiwan.



Salji yang menjadi tarikan di kawasan pergunungan Hehuan



Snowman yang dibentuk daripada salji

Edricet telah bersetuju. Dia terus mengambil cuti rehat demi memenuhi hajat saya. Tanpa membuang masa, saya terus menempah penginapan di Bandar Puli yang terletak di Wilayah Nantou di tengah Taiwan untuk bermalam. Kemudiannya bergegas ke kedai berdekatan rumah untuk membeli sarung tangan salji selain pemanas badan sebagai persiapan menghadapi kedinginan salji semasa berkayuh kelak.

Petang itu, saya memulakan perjalanan. Perjalanan dimulai dengan menaiki bas dari Stesen Utama Taipei menuju ke Bandar Puli dengan tambang NT390 serta tambang basikal NT200. Saya memberitahu isteri bahawa saya ada misi kayuhan penting untuk diselesaikan. Saya memintanya untuk mengambil anak-anak pulang dari sekolah. Isteri saya sudah memahami dan lali akan perangai saya yang akan terus melakukan sesuatu biarpun dilarang. Dia bersetuju sahaja, namun tidak pernah lupa memberikan kata-kata semangat dan doa. Perjalanan dari Taipei ke Puli mengambil masa sekitar 3 jam dengan jarak sejauh 250km. Di dalam bas, saya melakukan carian maklumat dan tip berkaitan kayuhan semasa cuaca bersalji serta cabaran-cabaran yang mungkin dan bakal dihadapi sebagai persiapan.



Teruja menikmati salji



Persiapan rapi sebelum kayuhan

Keesokannya, seawal jam 4.00 pagi lagi saya sudah bersedia untuk memulakan kayuhan. Sebagai persediaan menghadapi kedinginan salji, saya mengenakan 5 lapis baju dan memakai 2 lapis sarung tangan serta kasut yang dibaluti sarung khas salji dan hujan. Sebaik sahaja mengalas perut dengan minuman coklat panas dan solat subuh di 7 Eleven, saya dan Mas Edricet terus memacu tenaga menghala ke Gunung Wuling di ketinggian 3275m dari paras laut. Gunung ini terletak di antara dua puncak Gunung Hehuan (3417m) yang merupakan antara gunung paling popular dengan pemandangan indah di Taiwan. Misi kali ini merupakan kayuhan yang ke 4 ke puncak Wuling dalam tahun 2021 termasuk acara perlumbaan paling mencabar, Taiwan KOM pada awal 30 Oktober baru-baru ini.



Hentian terakhir sebelum ke puncak Wuling

Kayuhan ke puncak Gunung Wuling amat menarik kerana di sepanjang perjalanan kita akan disajikan dengan pemandangan indah yang sangat memukau dan mengujakan. Di ketinggian 2000 meter dari paras laut terdapat sebuah kedai 7 Eleven. Kedai ini merupakan kedai serbaneka terakhir di laluan menuju ke puncak. Justeru, di sinilah tempat terakhir untuk mengisi perut dan membeli bekalan untuk dibawa menuju ke puncak gunung. Dengan beg yang berisi makanan yang agak berat serta pakaian yang tebal di badan, sedikit sebanyak memberi rasa kurang selesa semasa mengayuh berbanding semasa mengayuh pada hari biasa dengan pakaian kayuhan yang biasanya nipis dan ringan. Namun itu tidak mematahkan semangat untuk terus berkayuh, bak kata pepatah, alang-alang menyeluk perkasam, biarlah sampai ke pangkal lengan. Lagipun, pengalaman seperti ini entah bila lagi akan dapat dirasai. Memandangkan laluan ke puncak Gunung Wuling merupakan antara pemandangan yang sangat menarik, saya tidak melepaskan peluang merakam gambar apabila tiba di tempat menarik.



Timbunan salji memenuhi lereng gunung



Komputer basikal yang sentiasa memberi panduan kelajuan, jarak, ketinggian dan suhu



Laluan ke puncak Wuling yang sentiasa memukau



Bendera Malaysia dan Indonesia dikibarkan

Menariknya, masyarakat Taiwan begitu sporting dan akan memberi semangat kepada pengayuh basikal dengan teriakan kata kata “Jiayou! Jiayou!” yang bermaksud “good luck” atau “selamat berjaya” apabila mereka melalui atau bertembung sama ada dengan kereta ataupun motosikal. Di laluan sempit mereka juga akan memperlahankan kenderaan untuk memberi laluan kepada pengayuh basikal. Di salah satu hentian sebelum ke puncak, sepasang suami isteri memberi makanan ringan untuk kami mengalas perut dan dibawa ke puncak. Tidak ketinggalan adalah kata-kata semangat turut dititipkan buat kami meneruskan perjalanan. Pengalaman manis sebegini sememangnya sudah biasa dilalui semasa berkayuh di sini. Keramahan dan ketulusan jiwa masyarakat Taiwan selalu membuatkan jiwa saya tersentuh.

Setibanya di Hehuanshan National Forest Recreation Area yang terletak kira-kira 2 kilometer sebelum sampai ke puncak, kelihatan beberapa kenderaan dan anggota polis sedang mengawasi laluan. Mereka hanya membenarkan kenderaan yang mempunyai rantai khas pada tayar dan kenderaan yang mempunyai kebenaran khas sahaja untuk ke puncak sebagai langkah keselamatan. Pada mulanya, kami tidak dibenarkan berkayuh membawa basikal ke puncak atas alasan keselamatan. Namun, selepas merayu dan memberikan penjelasan, barulah kami dibenarkan menuju ke puncak bersama basikal kami. Syukur, impian berkayuh ke puncak gunung untuk menikmati kedinginan salji tercapai.

Saya begitu teruja sekali ketika melalui salji yang memutih di sepanjang laluan ke puncak gunung. Terdapat juga salji yang mencair di jalan raya. Lebih mengujakan, kelihatan salji yang sedang turun menutupi pohon-pohon dan sebahagian besar kawasan pergunungan. Inilah pengalaman yang begitu berharga bagi saya. Subhanallah, indahnya ciptaan Yang Maha Esa ini. Suasana sekitar yang dilitupi kabus tebal telah menghadkan jarak pandangan. Saya hanya mampu melihat dengan jarak sekitar 3 ke 5 meter ke hadapan. Sarung tangan dua lapis yang dipakai sedikit menyukarkan saya untuk merakam gambar dan video selain kedinginan mencecah -5 darjah pada petang tersebut. Biarpun dalam suasana sejuk begitu, pengunjung yang berada di situ tidak melepaskan peluang bermain salji dan membentuk orang salji. Saya juga berkesempatan membuat satu orang salji serta merasai pengalaman berlari di atas salji yang menebal menutupi bumi. Ketika itu, terasa seperti impian zaman kanak-kanak yang sering menjadi anggan-anggan saya ketika menonton televisyen sewaktu kecil dahulu, kini menjadi kenyataan. Alhamdulillah.



Peluang dan kesempatan menikmati kayuhan salji

Memandangkan pengalaman sebegitu jarang diperolehi, kami mengambil kesempatan mengibarkan bendera negara masing-masing sebagai tanda kejayaan kami menawan puncak gunung yang menjadi idaman peminat kayuhan pendakian dari serata dunia. Tambahan lagi, kayuhan ini kami lakukan dalam keadaan cuaca bersalji.

Setelah puas bermain salji dan merakam gambar sebagai kenang-kenangan, kami mula bergerak turun meninggalkan puncak gunung yang bersalji. Kayuhan kali ini bukan sahaja mencabar dari segi pendakiannya, malah perjalanan menurunnya juga mencabar. Dengan kabus tebal yang menghadkan penglihatan, disusuli dengan keadaan sekitar yang sudah menjelang petang, ditambah pula dengan tiupan angin kencang ketika turun dengan kelajuan tinggi, pastinya menuntut sepenuh kecekapan kami untuk mengawal basikal. Kepuasan terpancar apabila setiap cabaran yang dilalui semasa berbasikal dalam salji ini dapat kami tempuhi dengan jayanya.



Salji memutih di Taman Negara Hehuanshan



Papan Tanda menunjukkan ketinggian

SINAR ISLAM



Menatap di negara yang Muslim sebagai golongan minoriti mungkin agak mencabar bagi sesetengah orang dalam menjalani kehidupan harian khususnya bagi mendapatkan makanan halal dan melakukan ibadah harian.

Walaupun masyarakat Islam di Taiwan hanya sekitar 0.3 peratus daripada keseluruhan penduduk Taiwan yang berjumlah 23 juta orang, namun ini tidak pernah menjadi penghalang untuk saya menjalani kehidupan harian sebagai seorang muslim termasuklah dalam urusan melakukan ibadah seperti solat atau berpuasa sepanjang aktiviti penjelajahan berbasikal walaupun kurang selesa berbanding di tanah air atau negara-negara yang majoriti penduduknya Muslim. Masjid hanya terdapat di Bandaraya besar seperti di Taipei, Taichung dan Kaohsiung. Di luar bandar utama kita bernasib baik sekiranya dapat menemui ruang solat dan tempat makanan halal. Kalau ada pun mungkin di hotel atau pusat peranginan yang mendapat pengiktirafan Mesra Muslim akan tetapi kita terpaksa menanggung harga yang lebih mahal. Begitulah keadaannya di tempat yang Muslim hanyalah minoriti. Namun, ini langsung tidak mematahkan semangat kami dalam memancarkan sinar Islam di sini.



Taipei Grand Mosque di tengah Bandaraya



Tanggungjawab sebagai seorang Muslim

Masjid atau di panggil qing zhen si(清真寺)dalam bahasa Mandarin menjadi tempat pertemuan masyarakat Islam di serata bumi Taiwan khususnya pada hari Jumaat. Masjid menjadi lebih meriah pada bulan Ramadhan selain Aidilfitri dan Aidiladha. Jika tidak di masjid, memang agak sukar untuk kita membezakan masyarakat Cina di sini melainkan wanita yang memakai tudung dan purdah. Memakai kopiah bagi lelaki agak jarang ditemui kecuali ketika menunaikan solat.

Menunaikan solat di taman-taman, tepi jalan, ruang kedai serbaneka sudah menjadi perkara biasa bagi saya serta rakan Muslim yang lain di sini. Beralaskan sejadah lipat yang sentiasa berada di beg basikal atau sesekali menggunakan windbreaker yang dibawa, saya akan berhenti di mana-mana lokasi yang dirasakan bersih. Ya, Islam itu mudah dan tidak menyusahkan. Cumanya, kadang-kadang kita sendiri yang meremehkannya. Keselesaan bukanlah satu pilihan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai Muslim. Berkain pelikat dan berkopiah serta berada di masjid atau surau untuk bersolat bukan lagi amalan biasa apabila berbasikal. Saya pernah solat subuh di rumah ibadah agama lain ketika acara kayuhan 510km memandangkan di pusat pemeriksaan tersebut mempunyai kemudahan air untuk berwuduk dan saya mengejar masa sebelum terbitnya fajar.



Masjid An-Nur, satu-satunya Masjid di Wilayah Pingtung

Pernah sekali ketika saya menunaikan solat di sebuah gazebo di sebuah taman, saya disapa oleh seorang pakcik sebaik sahaja saya selesai menunaikan solat. Seingat saya, waktu itu hujan renyai sedang turun membasahi bumi, kami sama-sama berhenti teduh di gazebo tersebut. Dia memberitahu bahawa dari tadi dia memerhatikan pergerakan saya dan ingin tahu apakah yang sebenarnya dilakukan? Saya mengambil kesempatan tersebut lalu menerangkan mengenai Islam dan tanggungjawab menunaikan solat bagi seorang Muslim kepadanya yang memperkenalkan diri sebagai Lim Xiansheng (panggilan hormat kepada lelaki). Katanya lagi, dia tidak pernah melihat orang melakukan sembahyang seperti itu terutama di kawasan awam. Menurut Pakcik Lim yang beragama Buddha, dia berpandangan bahawa aktiviti ibadah seperti bersembahyang hanya dilakukan di kuil atau tempat ibadah sahaja. Sebelum beredar, dia mengucapkan terima kasih dan saya membalasnya dengan senyuman disusuli jawapan ringkas “bu ke qi. Wo hen gaoxing renshi ni” yang bermaksud saya amat gembira mengenali kamu. Saya berlalu pergi dengan perasaan gembira yang sukar digambarkan, saya bersyukur kerana dapat menerangkan mengenai agama saya kepada seseorang yang tidak pernah dikenali. Semoga tersuluh sinar Islam buatnya.



Bersama Imam Besar Masjid Taichung



Masjid Taichung yang aktif dengan pelbagai aktiviti



Ruang solat di Pusat Pelancongan Yehliu Geopark



Masjid Longgang di Daerah Zhongli



Ruang solat di Masjid Besar Taipei



Ruang solat di Hotel Mesra Muslim



Aktiviti jualan masyarakat Islam

Semasa melakukan kayuhan jarak jauh, kebiasaannya saya akan mengalas perut terlebih dahulu di 7 Eleven atau Family Mart dengan onigiri, roti, mi segera atau makanan vegetarian. Semasa awal penjelajahan, saya sentiasa menggunakan aplikasi di telefon bimbit untuk melihat kandungan di setiap makanan yang hendak diambil bagi memastikan makanan tersebut bebas daripada kandungan yang haram seperti minyak babi dan arak. Untuk mencari makanan yang mempunyai logo halal di kedai serbaneka sememangnya suatu agak sukar. Yang ada hanyalah mi segera Indomie, itupun hanya sesekali sahaja ditemui. Itulah ujian dan dugaan yang perlu dihadapi di bumi minoriti Islam seperti di Taiwan ini. Bagi saya, cukuplah makan sekadar untuk mengalas perut walaupun kadang kala sampai 3 ke 4 hari berurut-turut saya hanya mengalas perut dengan makanan yang sama di 7 Eleven. Oleh sebab itu, saya akan makan dengan banyak apabila menemui kedai makanan halal atau makan dengan banyak di rumah sebelum memulakan sesuatu perjalanan atau acara.



Antara makanan pilihan di Televen ketika penjelajahan



Salah sebuah restoran beef noodles di Bandaraya Taipei yang menjadi kegemaran



Pilihan makanan di salah sebuah pasaraya terkemuka di Taipei

Kerajaan Taiwan memainkan peranan aktif untuk menyediakan persekitaran yang mesra Muslim. Kemudahan ruang solat, makanan halal dan penginapan mesra Muslim bukan sahaja terdapat di pusat tarikan utama pelancong, tetapi juga di pusat pengajian dan hospital. Inisiatif dan usaha yang dilakukan kerajaan Taiwan ini telah mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila ia berada di tempat kedua “Global Muslim Travel Index” bagi negara-negara bukan Islam.

Dengan berkembangnya kemudahan sebegini, pastinya ia memberi kelegaan khususnya kepada masyarakat setempat dan pelancong Muslim yang ingin melawat Taiwan. Saya amat bertuah apabila dijemput untuk menghadiri beberapa majlis perasmian ruang solat di hospital awam dan perpustakaan serta pentauliahn sijil halal dan Mesra Muslim bagi restoran dan hotel di Taiwan.



Berkongsi pengalaman di hadapan ketua-ketua negara Islam



Musolla yang luas dan selesa di pusat peranginan West Lake Resortopia, Miaoli



Restoran Massala Art di Taipei yang menyediakan pelbagai menu makanan halal



Mesin automatik yang menyediakan makanan dan minuman ringan halal



Outlet ayam goreng halal yang menjadi pilihan ramai di Taiwan



Makanan yang dihidangkan dengan pinggan mangkuk khas berlogo halal



Restoran Malaysia Kitchen yang terletak di Bandaraya Taipei

Kayuhan menjejak Sinar Islam di Bumi Formosa memberi satu pengalaman yang tidak ternilai dengan wang ringgit. Melaluinya saya dapat mengenali perkembangan Islam di Taiwan serta bagaimana Islam diamalkan dengan cukup selesa walaupun umat Islam hanya minoriti. Masyarakat Islam tidak menghadapi kekangan untuk melakukan ibadah dan kehidupan harian.

Keindahan dan panorama memukau yang dihadihkan setiap kali saya berbasikal bukan sahaja mengingatkan tentang kesempurnaan dan kekuasaan Yang Maha Esa, tetapi juga megajar erti sebenar sebuah kehidupan sebagai makhluk Allah.




Solat boleh dilakukan di mana-mana selagi tidak mengganggu laluan



Melakukan solat di tempat awam adalah perkara biasa bagi saya dan rakan-rakan Muslim sewaktu berbasikal



Mengunjungi Pameran Kebudayaan Islam di Taipei



Sejadah dan arah kiblat disediakan di bilik penginapan yang berstatus Mesra Muslim



Untuk info selanjutnya:



<https://www.taiwan.net.my/ms/>

10 KEINDAHAN

Taiwan yang menawan hati

10 KEINDAHAN

1.Yehliu GeoPark



YEHLIU GEOPARK yang terletak di utara Taipei adalah destinasi wajib dikunjungi apabila berkunjung di Taiwan. Yehliu Geopark menawarkan pemandangan unik batu yang pelbagai bentuk dan formasi. Pemandangan indah batu di sini terbentuk akibat hakisan yang berlaku disebabkan air laut dan perubahan alam semula jadi. Di samping itu, keindahan Yehliu Geopark ini turut dihiasi panorama lautan Pasifik yang membiru. Tarikan utama di sini adalah perkampungan batu yang menempatkan batu-batu pelbagai bentuk yang antaranya berbentuk Kepala Permaisuri (Queen's Head), Lilin Laut (Sea Candle), Halia (Ginger), Fairy Shoe, Sarang Lebah, Mushroom Rocks, Elephant Rocks, Tofu, Ice-cream dan lain-lain. Di hujung taman sepanjang 1.7 kilometer ini terdapat tebing tinggi yang boleh didaki melalui anak-anak tangga yang disediakan. Di situ kita dapat menikmati pemandangan 360 darjah North Coast dan Lautan Pasifik. Sebagai lokasi yang Mesra Muslim terdapat sebuah surau kecil disediakan berdekatan Pusat Pelancongan.



Kaunter pembelian tiket masuk



Pemandangan dari dek berhampiran

Sebagai salah satu destinasi yang sering saya lalui ketika melakukan kayuhan Granfondo (kayuhan 100km) atau kayuhan jarak jauh, saya akan berhenti sebentar di sini untuk berehat dan menunaikan solat di Musolla Nurul Hidayah yang dikelolakan oleh Encik Qadi yang merupakan antara seorang Muslim terawal yang menetap di sini. Beliau berasal dari India merupakan pengusaha kedai runcit selain itu, beliau menjual nasi kunyit berlauk daging dan tempe yang menjadi menu tetap.

Kayuhan ke Yehliu sejauh 45km dari pusat bandaraya akan melalui laluan Riverside hingga ke Bandar Keelung sebelum melalui jalan pesisir laut (coastal) yang dihiasi batuan yang begitu indah dan pantai sepanjang laluan. Dari Yehliu saya akan terus mengayuh melalui bandar Jinshan, Shihmen, Baishawan sehinggalah kembali ke laluan Riverside di Bandar Tamsui. Kebiasaannya satu pusingan Riverside dan Coastal Routes yang melalui Yehliu Geopark ini adalah sekitar 120km.



Batu berbentuk Queen's Head



Pantai yang indah dan bersih



Jalanraya menghala ke Yehliu GeoPark



Laluan khas basikal di persisir pantai



Pelbagai bentuk batuan di dalam GeoPark



Pelabuhan nelayan bersebelahan GeoPark



Yehliu GeoPark

10 KEINDAHAN

2.Sun Moon Lake



Menjelajah dengan basikal di sekitar Sun Moon Lake yang terletak di Wilayah Nantou menjadi satu perkara yang diimpikan apabila berada di Taiwan. Tasik terbesar yang dikelilingi gunung-ganang ini amatlah mengujakan. Air tasiknya yang hijau kebiru-biruan menambahkan lagi kedamaian ketika berada di sini. Terasa sejuk mata memandang. Kemudahan laluan basikal yang selesa dan cantik mengelilingi tasik sejauh 30km membolehkan kita menikmati keindahan tasik ini dari pelbagai sudut. Maka, tidak hairanlah laluan ini diiktiraf sebagai antara 10 laluan basikal tercantik di dunia oleh CNNgo. Selain itu, di kawasan tasik ini juga menempatkan kawasan petempatan masyarakat asli Thao, iaitu di Thao Cultural Village. Turut terdapat di sini ialah Sun Moon Lake Gondola yang digunakan untuk menghubungkan Sun Moon Lake dengan Formosan Aboriginal Village. Bagi mereka yang mengidamkan pelbagai pengalaman kayuhan termasuk pendakian, di sini pastinya memberikan pengalaman yang mungkin tidak dapat diperoleh di tempat lain dan sudah tentunya, akan menjadi kenangan terindah semasa di tanah Formosa.

Selain acara tahunan seperti pertunjukan bunga api pada awal tahun, acara Bikeday Festival sentiasa menjadi tumpuan peminat acara basikal dari segenap lapisan umur untuk berbasikal di sini. Sekiranya ingin bermalam, terdapat banyak hotel penginapan boleh ditempah di kawasan sekitar.



Shuise Pier untuk menaiki bot



Pemandangan tasik dan gunung



Merakam kenangan di Shuise Pier

Bagi mereka yang beragama Islam dan ingin mendirikan solat, terdapat surau kecil yang selesa disediakan di salah satu hentian utama. Surau ini boleh memuatkan sehingga 10 orang jemaah dalam satu masa. Cabaran utama di sini ialah tiada kedai makanan halal. Jadi seperti biasa, pilihan yang ada adalah makanan ringan di 7 Eleven atau Family Mart selain pilihan kedai vegetarian.

Untuk berkayuh di sini, kita mempunyai beberapa pilihan sama ada mahu berkayuh dari Bandaraya Taichung sejauh 70 kilometer atau menyewa basikal yang terdapat di sini. Bagi mereka yang bukan penunggang basikal dan enggan mengayuh, basikal elektrik juga ada disediakan dan boleh disewa dengan kadar yang berpatutan.

Selain berbasikal, pengunjung juga boleh merasai pengalaman menaiki bot untuk mengelilingi dan menikmati panorama indah yang mendamaikan di sini. Saya berasa sangat bertuah kerana berpeluang beberapa kali berbasikal di sini secara solo dan berkumpulan. Maka, saya abadikan kenangan indah ini di dalam naskah ini sebagai perkongsian bersama.



Laluan khas Basikal



Arca basikal di laluan basikal



Pemandangan indah tasik dan gunung



Laluan basikal mengelilingi tasik



Sun Moon Lake

10 KEINDAHAN

3.Maokong Gondola





Pemandangan indah Bandaraya Taipei



Kemudahan U-Bike

Maokong merupakan sebuah kawasan tarikan pengunjung yang terletak di kawasan tanah tinggi di pinggir Bandaraya Taipei. Tersergam indah di puncaknya ialah Stesen Maokong yang menjadi hentian gondola turun dan naik bermula dari stesen Zoo Taipei sepanjang 4.3 kilometer. Tambang satu hala menaiki kereta kabel ini adalah NT120 bagi dewasa dan NT50 bagi kanak-kanak serta warga emas. Sebagai salah satu rangkaian pengangkutan di Bandaraya Taipei, kaedah pembayaran menggunakan ‘easy card’ turut disediakan bagi memudahkan penumpang selain pembelian tiket melalui kaunter di stesen. Perkhidmatan bas awam dan teksi juga disediakan kepada pengunjung untuk turun dan naik ke puncak Maokong. Dari puncak Maokong, kita akan dapat melihat dan menikmati keindahan bandar raya Taipei termasuklah menara Taipei 101 yang menjadi mercu tanda Bandaraya Taipei. Pemandangan indah ini bukan sahaja dapat dilihat pada waktu siang, malah turut dapat dilihat dengan jelas pada waktu malam. Selain itu, kita juga dapat melihat pemandangan indah ladang teh yang menghiasi hampir keseluruhan kawasan tanah tinggi di sini. Lebih mengasyikkan, pemandangan indah ini dapat dinikmati sambil menghirup pelbagai jenis teh yang boleh didapati daripada puluhan kedai teh yang ada di sini.



Laluan ke puncak Maokong

Maokong sudah menjadi tempat kebiasaan saya untuk melakukan kayuhan pendakian memandangkan Maokong berada tidak jauh dari kediaman. Laluan khas basikal menyusuri tebingan sungai atau Riverside akan membawa kita ke Muzha atau Zoo Taipei di mana kayuhan pendakian ke Stesen Maokong di ketinggian 350 meter dengan jarak sekitar 13 kilometer bergantung laluan kita bermula memandangkan terdapat beberapa laluan untuk sampai ke puncak. Pada musim bunga, laluan ini akan menjadi lebih cantik dengan kemunculan bunga sakura atau cherry blossoms yang menjadi penghias di sepanjang laluan ke puncak Maokong. Sememangnya menjadi satu kepuasan apabila berjaya mengayuh sampai ke puncak Maokong yang begitu indah ini.



Maokong Gondola

10 KEINDAHAN

4. Shihmen Reservoir



Terletak di utara Bandaraya Taoyuan, Shihmen Reservoir menyajikan pemandangan keindahan tasik dan gunung sepanjang tahun. Walaupun begitu, tidak banyak maklumat dan promosi berkaitan kawasan ini berbanding tarikan lain di Taiwan. Di sini, pengunjung disajikan dengan suasana persekitaran warna daun pokok yang berbeza mengikut musim. Pada musim bunga misalnya, kita akan disajikan cherry blossoms dan peach blossoms. Pada musim sejuk pula, kita berpeluang untuk melihat plum blossoms. Sementara daun Maple pula akan dapat dilihat pada musim luruh dan bunga ‘tung’ dapat dilihat pada musim panas. Pengalaman ini pastinya suatu yang mengujakan bagi kita yang berasal dari negara bukan empat musim. Sekiranya ingin menikmati pemandangan tasik dengan lebih dekat, bot-bot persiaran yang bersusun di jeti berdekatan Pusat Pelancongan boleh disewa dengan harga yang berpatutan. Kita akan dibawa bersiar-siar mengelilingi tasik. Setelah penat bersiar-siar atau berbasikal mengelilingi kawasan yang luas ini, kita boleh berehat di taman yang dipenuhi pelbagai pepohon yang pastinya memberikan kesegaran dan ketenangan.



Pemandangan empangan dari seberang tasik



Pepohon yang berwarna warni mengikut musim



Salah satu taman di kawasan empangan

Berbasikal dari Bandaraya Taipei menyusuri laluan basikal ditebingan Dahan River melalui Bandar Yingge yang terkenal dengan hasil seramik serta Bandar Daxi sejauh lebih kurang 60 kilometer akan membawa kita ke Shihmen Reservoir. Kita boleh berkayuh atau berjalan kaki di kawasan ini dengan melalui laluan sejauh lebih kurang 3 kilometer. Walaupun terpaksa melalui sedikit pendakian untuk menuju ke kawasan atas empangan, perjalanannya akan tetap terasa nyaman kerana sepanjang jalannya dipayungi rimbunan pokok di kiri kanan laluan. Dari atas empangan, kita akan dapat menikmati pemandangan yang lebih luas lagi memukau.



Shihmen Reservoir

10 KEINDAHAN

5. Tamsui Fisherman's Wharf



Tamsui Fisherman Wharf adalah destinasi popular dan kerap dikunjungi pengunjung luar atau mereka yang berada di Bandaraya Taipei. Ini adalah kerana jaraknya yang tidak begitu jauh dari pusat bandaraya, iaitu sekitar 30KM sahaja di samping boleh dikunjungi menggunakan pelbagai rangkaian pengangkutan awam seperti bas, MRT atau ERL. Lokasinya yang terletak di muara laut sudah tentunya menjanjikan pemandangan laut yang begitu indah. Tamsui Fisherman Wharf turut menempatkan pelabuhan yang menjadi tempat berlabuhnya bot-bot dan kapal pesiaran mewah selain bot-bot nelayan. Di samping keindahan panoramanya, pengunjung turut berpeluang menyaksikan keriuhan para nelayan yang sibuk memunggah hasil tangkapan mereka. Di situ juga terdapatnya sebuah jambatan putih yang diberi nama Lover Bridge yang tersergam indah merentasi Tamsui Harbour. Dengan melalui jambatan ini, pengunjung dapat menikmati pemandangan yang lebih luas sambil menikmati hembusan angin dari muara laut yang nyaman. Bandar Bali dan Gunung Guanyingshan yang terletak bertentangan dengan sungai Tamsui yang dapat dilihat jelas turut menjadi penyeri pemandangan di sini. Pada waktu malam pula, kerdipan dan sinar cahaya lampu menambahkan lagi seri keindahan di Tamsui Fisherman Wharf. Rugi sekiranya tidak merakam gambar kenangan ketika bila berada di sini.



Mercu tanda



Bot bot kecil nelayan

Berbasikal menyusuri Tamsui River ke Fisherman Wharf adalah pilihan terbaik. Ini kerana terdapat pelbagai tarikan di sepanjang laluan. Kita akan berpeluang melihat Guandu Bridge, Guandu Temple, taman bunga, serta Nature Park, iaitu lokasi untuk melihat serta merakam gambar pelbagai spesis burung. Lalan pesisir pantai akan melalui Tamsui Old Town yang sentiasa sibuk dengan pengunjung khususnya pada hujung minggu atau cuti umum. Deretan kedai yang menjual pelbagai jenis makanan, pakaian dan cenderamata merupakan tarikan yang menjadikan pekan lama tersebut sentiasa meriah dan rancak dengan pelbagai aktiviti.

Sebelum sampai ke Fisherman Wharf, kita juga akan melalui Fort San Domingo, sebuah monumen bersejarah berwarna merah yang asalnya dibina pada tahun 1628 oleh Sepanyol. Sekiranya kita sampai pada lewat petang atau malam, dari jauh lagi kita akan dapat melihat kerdipan dan sinar cahaya lampu berwarna-warni yang bersilih ganti setiap minit di Love Bridge. Sekiranya sudah dapat melihatnya, bermakna kita telah pun sampai di Tamsui Fisherman Wharf.



Laluan khas Basikal



Sinaran pelbagai warna lampu di Love Bridge



Bot bot nelayan di tebingan Sungai Tamsui



Jambatan Guandu yang merentasi Sungai Tamsui



Tamsui
Fisherman's
Wharf

10 KEINDAHAN

6. Rainbow Village



Rainbow Village atau Kampung Pelangi bukanlah tempat yang asing sekiranya kita berkunjung ke Bandaraya Taichung. Kampung yang berlatarbelakangkan warna-warni yang begitu menyerlah ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Persekitaran kampung yang unik ini telah menarik kehadiran pengunjung sehingga mencecah dua juta orang setahun dari dalam dan luar negara. Kewujudan kampung ini mengambil inspirasi daripada rentetan semangat dan kesungguhan ‘Grandpa’, yang merupakan seorang bekas tentera yang kini berusia 97 tahun mempertahankan kawasan kampungnya yang asalnya merupakan berek tentera daripada dirobohkan bagi tujuan pembangunan. Dia telah menghias kawasan kampungnya dengan pelbagai imej dan karakter menggunakan cat yang berwarna-warni sehingga kelihatan seperti pelangi. Usahnya ini telah menarik perhatian banyak pihak untuk membantunya dan tidak kurang yang menyokong usahanya mempertahankan kampungnya itu daripada dirobohkan. Akhirnya, kawasan kampung ini berjaya dipertahankan meskipun kini hanya tinggal 11 buah rumah daripada keseluruhan 1200 buah rumah asal di kampung ini. 11 buah rumah inilah yang kini membentuk Rainbow Village yang cantik lagi unik ini.



Pemandangan luar Rainbow Village



Rainbow Village di waktu malam

Pengalaman beberapa kali berbasikal dari Bandaraya Taipei ke Rainbow Village sejauh 200km sentiasa memberi kepuasan. Melalui Cycling Routes No. 1 dengan pemandangan laut di sebelah kanan dan kehijauan bukit-bukau dan gunung-ganang yang melatari di sebelah kiri amatlah mengujakan. Di sepanjang laluan pantainya, kita juga berpeluang melihat susunan deretan kincir angin yang berdiri megah di tebing-tebing termasuklah di dalam air. Kincir angin ini menjadi sumber tenaga hijau untuk kegunaan domestik dan digunakan untuk tujuan pembangunan di kawasan sekitar.

Kayuhan ke sini juga akan melalui Fishing Harbour dan kawasan perkampungan serta bandar kecil. Kebiasaannya, saya akan berhenti di lokasi yang menarik untuk merakam gambar sebagai kenangan. Jalan yang agak lurus dan rata dengan sedikit pendakian di pertengahan perjalanan ini akan membawa kita ke Bandaraya Taichung. Setibanya di pusat bandaraya, laluannya akan sedikit sesak ditambah pula dengan jarak lampu isyarat yang agak rapat melambatkan kayuhan. Sebaik sahaja sampai di Rainbow Village dan berehat sebentar, kebiasaannya saya akan terus ke stesen kereta api untuk balik ke Taipei.



Maklumat berkaitan Rainbow Grandpa yang terdapat di salah satu ruang dalam bilik pameran



Ruang dalam salah satu bilik di Rainbow Village



Pelbagai bentuk corak dan warna yang dilukis Grandpa



Warna merah yang menyerlahkan suasana persekitaran



Mengabadikan kenangan di ruang belakang salah sebuah rumah di Rainbow Village



Rainbow Village

10 KEINDAHAN

7. Longteng Bridge



Longteng Bridge adalah antara lokasi yang popular di Wilayah Miaoli. Jambatan ini telah dibina pada tahun 1906 semasa pendudukan Jepun di Taiwan. Walau bagaimanapun, jambatan ini telah mengalami kemusnahan akibat gempa bumi dahsyat dengan skala magnitud 7.1 yang berlaku pada tahun 1935. Akibat daripada gempa bumi tersebut, kini hanya tinggal tiang-tiang utamanya yang diperbuat daripada bata merah sahaja yang masih teguh berdiri. Jambatan ini tidak dibaik pulih sehingga sekarang dan hanya dibiarkan begitu sahaja. Apabila melihat kesan tinggalan jambatan ini, kita boleh bayangkan betapa dahsyatnya kesan bencana gempa bumi di sini. Sedangkan binaan seteguh jambatan ini pun boleh musnah, maka tidak hairanlah Taiwan pernah menyaksikan kehilangan nyawa seramai lebih 2000 orang ketika dilanda gempa bumi dahsyat pada tahun 1999.



Tinggalan tiang-tiang utama Jambatan Longteng



Ditumbuhi pokok

Pengalaman berbasikal menjelajah Wilayah Miaoli yang terletak lebih kurang 100km daripada Bandaraya Taipei memberikan satu pengalaman yang berbeza. Selain dapat melihat sendiri kesan tinggalan runtuh Longteng Bridge, saya berpeluang merasai pengalaman berbasikal di kawasan yang agak lengang dan terpencil. Memang terasa begitu mendamaikan sekali. Miaoli dipenuhi dengan kawasan pertanian khususnya penanaman buah strawberi, limau, anggur dan sayuran.

Memandangkan Miaoli terkenal dengan penanaman buah strawberi, sebuah Muzium Strawberi telah didirikan sebagai langkah promosi dan sumber maklumat berkaitan buah yang sedap ini. Di muzium ini kita akan dapat merasai sendiri pengalaman memetik buah strawberi yang sudah merah ranum.



Kawasan pertanian yang menghijau di Wilayah Miaoli



Limau menjadi salah satu tanaman utama di Miaoli



Memetik buah strawberi



Binaan strawberi gergasi di hadapan Muzium Strawberi



Berbasikal di sekitar tinggalan runtuh Longteng Bridge



Lokasi yang menarik dikunjungi bila di Miaoli



Laluan pejalan kaki untuk melawat kawasan runtuh



Longteng Bridge

10 KEINDAHAN

8. Buyanting Pavilion



BUYANTING PAVILION (不厭亭) adalah sebuah lokasi di kawasan tanah tinggi di Daerah Ruifang. Pengalaman berada di sini pastinya memberi satu kepuasan yang mungkin tidak didapati di tempat lain. Kita akan disajikan dengan pemandangan indah 360 darjah yang dikelilingi gunung-ganang serta panorama lembah di antara gunung-ganang ini menjadikan destinasi ini begitu indah dan permai. Kewujudan jalan raya yang dibina di lereng-lereng gunung di sini menambahkan keindahan dan pastinya memberikan pesona yang menarik kepada pengunjung yang datang ke sini. Justeru, tidak hairanlah lokasi ini sering kali menjadi tarikan ramai pengunjung terutamanya pada hujung minggu di mana kita dapat melihat deretan kenderaan pengunjung diparkir di tepi jalan sementara mereka merakam gambar berlatarbelakangkan laluan jalanraya menuju ke sini.



Pemandangan laut dari Pavillion



Berlatar belakang kehijauan dan jalan raya

Jarak antara Bandaraya Taipei ke Buyanting sekitar 50km sehalu dengan 'elevation gain' sekitar 1000m melalui Pingxi yang terkenal dengan aktiviti penghasilan dan menerbangkan sky lantern. Tidak jauh dari situ adalah Shifen Waterfall yang terkenal sebagai antara air terjun yang tercantik di Taiwan. Tamparan angin gunung serta cabaran laluan yang berliku disamping beberapa selekoh tajam sewaktu menuruni Buyanting seolah tidak terasa kerana pemandangan laut dan Pelabuhan Keelung yang begitu mempersonakan. Tanpa disedari, kita telah pun sampai di Jiufen Old Street, satu lagi kawasan tarikan pelancong dengan deretan kedai yang terletak di kawasan pergunungan. Bandar Ruifang adalah bandar terdekat yang dilengkapi dengan kemudahan stesen kereta api. Di sini, kita boleh memilih sama ada mahu terus mengayuh atau kembali ke Taipei dengan menggunakan bas atau keretapi.



Pemandangan waktu senja dari Buyanting Pavilion



Buyanting Pavilion

10 KEINDAHAN

9. Chiang Kai-Shek Memorial Hall



Sekiranya berkunjung ke Bandaraya Taipei, tidak lengkap rasanya sekiranya tidak berkunjung ke Memorial Chiang Kai Shek. Memorial ini merupakan salah satu mercu tanda penting yang menjadi tarikan pelancong di Bandaraya Taipei. Dengan keluasan 250,000 meter persegi di tengah memorial ini terdapat monumen yang berbentuk piramid yang diperbuat daripada marmar putih setinggi 76 meter. Monumen ini boleh dinaiki melalui 89 anak tangga sehingga ke bahagian atas yang menempatkan Statue Chiang. Statue Chiang ini dikawal rapi oleh anggota tentera yang bersilih ganti syif setiap jam. Pertukaran syif tentera yang bertugas mengawal serta acara menaik dan menurunkan bendera dilakukan dengan penuh istiadat di memorial ini menjadi sesuatu yang amat dinantikan setiap pengunjung. Sebagai lokasi yang Mesra Muslim, ruang solat disediakan kepada pengunjung Muslim. Pemandangan indah dari atas monumen ini amat mengujakan khususnya pada awal pagi dan lewat petang.




Istiadat menaikkan bendera



Pintu masuk utama Memorial Hall

Berbasikal di tengah bandar raya dianggap sebagai perkara biasa di Taiwan. Ini kerana, berbasikal sudah menjadi budaya dan antara kemudahan pengangkutan masyarakat untuk bergerak ke destinasi yang ingin dituju selain menggunakan MRT, bas dan teksi. Disini juga disediakan laluan khas berbasikal di pusat bandar raya selain kemudahan basikal sewa awam U-Bike yang popular. Basikal boleh disewa pada bila-bila masa dengan kadar serendah NT5 menggunakan 'easycard' di ratusan rangkaian stesen basikal U-Bike khususnya berdekatan MRT dan lokasi tarikan utama.

Berbasikal secara santai dalam lingkungan 10 ke 15 kilometer sudah memandai untuk membawa kita mengunjungi tempat tarikan utama seperti bangunan mercu tanda Taipei 101, Shang Kai-Shek Memorial Hall, Taipei Grand Mosque, Daan Park, Red House, National Theater, Ximending, Elephant Mountain, Sun Yat Seng , Shilin Night Market dan beberapa lagi tempat dan mercu tanda menarik di Bandaraya Taipei.



Memorial Hall



Taman indah yang sentiasa dikunjungi



Pemandangan dari atas Memorial Hall



National Theater



Memorial Hall yang sentiasa menjadi tarikan pelancong



Concert Hall



Chiang Kai-Shek Memorial Hall

10 KEINDAHAN

10. Yangmingshan National Park



Yangmingshan merupakan sebuah taman negara yang sangat populer di utara Taiwan. Terletak di pinggir Bandaraya Taipei, kawasan taman negara ini merangkumi beberapa gunung termasuk Gunung Qixing dan Gunung Datun yang menjadi tarikan utama peminat aktiviti luar, sama ada berbasikal, hiking, trekking atau berjalan santai menikmati kehijauan alam semula jadi serta pelbagai spesis flora dan fauna. Terdapat banyak trek laluan yang disediakan untuk menjelajah kawasan-kawasan di sekitar taman negara ini. Laluan basikal juga boleh membawa kita hingga ke puncak Gunung Datun pada ketinggian 1074 meter dari paras laut. Terdapat juga air terjun, tasik dan taman-taman kecil yang menghiasi kawasan taman negara ini. Qingtiangang Grassland menyajikan padang rumput yang sejuk mata memandang, manakala di Xiaoyoukeng kita akan melihat 'post volcanic activity' dengan kepulan asap keluar dari permukaan bumi serta air panas mengelegak di takungan kolam dengan bau sulfur yang kuat. Di Lengshuikeng pula, kita akan dapat menikmati kolam air panas dengan air panas sekitar 40 darjah yang sering menjadi tumpuan pengunjung di sini.



Flower Clock



Qingtiangang Grassland

Berbasikal atau hiking di Yangmingshan adalah aktiviti rutin yang biasa saya lakukan pada musim panas. Suhu pada musim panas di sini boleh mencecah sehingga 40 darjah. Keadaan ini mungkin agak mencabar dan meletihkan bagi mereka yang kurang biasa berbasikal dalam keadaan cuaca panas ditambah lagi dengan keadaan laluan pendakian yang panjang selain perlu melalui beberapa kawasan yang curam. Namun demikian, cabaran dan keletihan yang dialami akan hilang setelah melihat panorama indah yang damai lagi menenangkan yang tidak dapat dinikmati di tempat lain. Persediaan yang rapi juga diperlukan sekiranya ingin mencabar diri untuk berbasikal menjelajah Yangmingshan National Park. Musim bunga adalah masa yang paling sesuai untuk ke sini dengan suhu yang sederhana selain dapat melihat bunga-bunga yang sedang mekar menghiasi kawasan ini. Selain berbasikal, terdapat pengangkutan awam seperti bas dan teksi untuk ke tempat-tempat tarikan utama di sini.



Keindahan taman-taman bunga



Laluan di kawasan Taman Negara Yangmingshan



Berbasikal ke Gunung Datun



Bunga sakura yang mewarnai keindahan



Kawasan lurah yang subur menghijau



Laluan dengan lekuk 180 darjah



Yangmingshan National Park

DIRAIKAN



Masyarakat Taiwan sememangnya terkenal dengan budi perkerti yang tinggi dan sentiasa menghormati tetamu luar. Budaya ini mungkin disebabkan oleh pengaruh budaya Jepun yang masih menebal di kalangan masyarakat. Dengan ucapan 'ni hao' (你好) yang bermaksud apa khabar atau 'zao an' (早安) yang bermaksud selamat pagi sudah cukup untuk kita bertegur sapa dengan penduduk setempat. Apatah lagi sekiranya kita boleh berbahasa Mandarin, pastinya memudahkan kita untuk mengenali budaya masyarakat tempatan dengan lebih dekat.

Saya sangat bersyukur kerana sepanjang penjelajahan dan aktiviti kayuhan, saya dipertemukan dengan insan-insan yang baik dan cukup peramah. Saya dibantu di kala sesat, dirawat ketika kemalangan dan diraikan ketika saya berjaya. Perbezaan budaya dan latar belakang tidak menjadi halangan untuk bertegur sapa dan mengenali satu sama lain. Kekadang saya merasakan bidalan dan peribahasa Melayu "Yang elok itu budi yang indah itu bahasa" sangat sesuai dengan kebanyakan masyarakat tempatan yang saya temui.



Dijemput makan bersama pasukan yang baru dikenali



Kegembiraan diraikan bersama pengunjung tempatan

Ketika awal penjelajahan berbasikal sebelum ini, saya telah tersesat beberapa kali ketika berkayuh terutamanya ketika berkayuh di luar Bandaraya Taipei. Pada waktu itu, komputer basikal yang digunakan tidak mempunyai fungsi navigasi dan saya hanya bergantung sepenuhnya kepada google map. Pepatah Melayu ada berkata, malu bertanya, sesat jalan. Agar tidak terus tersesat, saya ketepikan rasa malu dan segan. Kata orang, petunjuk yang paling baik adalah dengan bertanya kepada sesiapa yang ditemui. Meskipun kadang kala pertanyaan hanya saya ajukan dengan bahasa tubuh, namun masyarakat tempatan di sini tetap akan membantu sebaik mungkin walaupun tidak pernah mengenali satu sama lain.

Pengalaman sesat di sebuah kawasan terpencil ketika computer bike kehabisan bateri pasti tidak dapat dilupakan. Manakan tidak, ketika meminta bantuan kepada sepasang suami isteri yang kebetulan sedang memetik buah limau dan strawberi, saya dilayan dengan sangat baik. Bukan sahaja diberi minuman malahan, saya dijamu dengan buah strawberi dan limau yang baru dipetik. Sebelum berlalu pergi, saya juga diberikan sebungkus buah-buah tersebut sebagai bekalan untuk dimakan semasa dalam perjalanan.



Rezeki sesat di ladang buah



Rezeki buah longan

Pernah satu ketika, basikal mengalami kerosakan semasa berkayuh di satu kawasan di luar bandar. Dengan pakaian basah kuyup, ditambah lagi keadaan basikal yang agak kotor, pastinya menyukarkan saya untuk menaiki teksi untuk ke stesen kereta api yang terdekat. Namun, saya bernasib baik kerana ada sebuah lori yang sudi menumpangkan saya dan basikal ke stesen keretapi berdekatan. Sampai sahaja di stesen, apabila ditanya jumlah bayaran, pemandu lori hanya tersenyum dan berkata “bu yong” (不用) yang bermaksud tak perlu.

Saya juga pernah merasai pengalaman indah tidur di berek anggota Bomba semasa melakukan kayuhan mengelilingi Taiwan buat kali kedua pada awal tahun 2022. Ketika itu malam sudah lanjut dan kayuhan kami ditemani hujan renyai dan kesejukan malam dengan suhu sekitar 15 darjah celcius. Beberapa orang teman kayuhan sudah tidak mampu lagi meneruskan kayuhan kerana keletihan setelah berkayuh hampir 600km. Penginapan dan bandar terdekat terletak hampir 50km dengan laluan sedikit pendakian. Memandangkan jam telah menunjukkan 10.30 malam, saya mencari ikhtiar supaya rakan kayuhan dapat melelapkan mata walau untuk seketika agar kami semua boleh mengembalikan tenaga yang hilang. Kalau tidak, mungkin sedikit sebanyak akan merosakkan keseluruhan perjalanan kami yang berbaki sekitar 400km.



Urusetia acara basikal yang sangat mesra



Bersama pasukan ICT

Ketika mengayuh perlahan menanti teman kayuhan yang tertinggal di belakang, tiba-tiba kayuhan saya terhenti dan mata terus tertumpu pada bangunan merah tiga tingkat di seberang jalan yang merupakan sebuah Balai Bomba di daerah terpencil tersebut. Rakan-rakan bertanya kenapa saya berhenti. Saya menjawab dengan spontan “Saya rasa kita perlu mohon kebenaran untuk berehat di sini sekejap”. Rakan-rakan terpinga keraguan dengan apa yang dinyatakan. Saya amat yakin pihak Bomba terkenal dengan semangat untuk membantu masyarakat.

Tanpa berlengah masa saya mengajak salah seorang rakan kayuhan, Mas Dheni Indrawan yang agak fasih berbahasa mandarin untuk ke Balai Bomba tersebut sementara rakan-rakan lain menunggu di pinggir jalan. Sampai sahaja di pintu utama Balai, saya memperkenalkan diri kepada anggota bertugas dan menerangkan situasi sebenar kami. Anggota tersebut terus menghubungi pegawai atasannya melalui walkie-talkie yang tersemat di pinggangnya. Melalui perbualannya, saya mendengar dia melaporkan keadaan kami dan permohonan kami untuk berehat di ruang luar Balai tersebut.

Beberapa minit kemudian, seorang yang berbadan tegap datang kepada kami dan mengucapkan selamat datang. Dia memperkenalkan dirinya sebagai Encik Chai, pegawai yang bertanggungjawab ke atas balai tersebut. Dia mengalu-alukan kami berehat di balai tersebut dan meminta saya memanggil rakan-rakan yang lain. Dia menyarankan kami berehat di bilik anggota di tingkat atas walaupun kami hanya ingin melepaskan mata di ruang parkir berbumbung kenderaan keselamatan tersebut. Setibanya rakan-rakan yang lain, Encik Chai menunjukkan bilik tidur yang lengkap dengan tandas di dalam.



Anggota polis yang tegas tetapi sangat membantu



Pengalaman singgah bermalam di Balai Bomba

Kesemua rakan-rakan tersenyum kegembiraan melihat keadaan bilik yang cukup selesa tersebut. Kami mula membersihkan diri dan mengecas gajet yang dibawa khususnya computerbike, telefon bimbit dan lampu basikal. Kesemua kami tidur nyenyak beberapa jam sebelum bangun pagi seawal 4.30 pagi untuk persediaan kayuhan seterusnya. Kami sangat terharu dengan layanan baik Encik Chai termasuk untuk menyediakan minuman pagi. Sebelum bergerak meninggalkan balai tersebut, kami mengucapkan terima kasih dan bergambar kenangan bersama-sama Encik Chai, pegawai yang peramah dan berhati mulia. Pasti pengalaman singgah bermalam di balai bomba sesuatu yang tidak dapat kami lupakan.

Pengalaman manis dibantu dan diraikan masyarakat setempat tidak terhenti di situ. Paling tersentuh hati apabila saya tiba di puncak gunung Datun (1076m) saya disambut dengan nyanyian yang ditujukan khas oleh sekumpulan pendaki gunung di sana. Kebaikan dan kemesraan rakyat tempatan terhadap saya begitu menyentuh sanubari, membuatkan saya berasa seperti di tanah air sendiri. Saya turut disajikan dengan teh panas dan biskut sambil diajak bersembang santai. Banyak hal yang kami bualkan, terutamanya mengenai pengalaman masing masing.



Disantuni anggota Bomba di sebuah Balai Bomba di Pulau Penghu



Gambar kenangan Ketua Balai sebelum meneruskan perjalanan

Kepelbagaian kaum dan etnik juga mewarnai pengembaraan saya. Taiwan mempunyai lebih 15 etnik puak orang asli. Sama seperti orang asal di Malaysia, secara fizikalnya mereka boleh dikenali melalui paras rupa dan juga pakaian kebudayaan yang dipakai. Saya amat tertarik apabila beberapa perkataan dalam bahasa puak orang asli di Taiwan hampir sama dengan bahasa Melayu seperti ‘empat’ , ‘babi’ dan beberapa lagi perkataan lain. Benarlah bagai dikata, jauh perjalanan, luas pemandangan. Semakin jauh saya menjelajah di bumi Taiwan ini, semakin banyak perkara menarik yang ditemui selain dapat menikmati keindahan alam semula jadi serta tempat-tempat yang menjadi tarikan pengunjung di sini.

Kesempatan melalui perkampungan puak Atayal di Pergunungan Fushan dan berpeluang menyantuni pasangan puak Atayal yang kebetulan melangsungkan perkahwinan dengan adat tersendiri pasti tidak akan saya lupakan. Ketika khusyuk memerhatikan dari jauh upacara perkahwinan tersebut, salah seorang penduduk datang kepada saya dan menerangkan sedikit sebanyak mengenai kehidupan, adat dan budaya puak Atayal. Amat seronok rasanya apabila berpeluang memperoleh pengetahuan baharu tambahan lagi yang dapat secara terus begini berbanding hanya melalui pembacaan.



Selamat Datang



Bersama pasangan pengantin Puak Atayal

Melalui aktiviti berbasikal juga, saya mendapat ramai kenalan baharu bukan sahaja dari kalangan penduduk tempatan, bahkan dari pelbagai negara dan latar belakang. Bermula dengan bertegur sapa, kemudian bertukar nombor telefon, seterusnya berkomunikasi hinggalah berkayuh bersama-sama dan duduk semeja menjamu selera. Begitu banyak perkara yang saya pelajari daripada sahabat-sahabat kayuhan yang sentiasa memberi semangat serta sokongan untuk terus berjaya. Terima kasih semuanya!



Bersama atlit kebangsaan Taiwan



Sahabat yang bersama mengelilingi Taiwan



HARGA SEBUAH KEJAYAAN

“Di mana ada kemahuan di situ ada jalan”, itulah pepatah yang paling sesuai bagi menceritakan perjalananku dalam dunia kayuhan basikal. Minat yang mendalam terhadap aktiviti kayuhan basikal terutamanya kayuhan penjelajahan menjadi azimat atau kunci sehingga aku berjaya mencapai beberapa kejayaan yang dahulunya tidak pernah pun terlintas di fikiranku. Perjalanan panjang beribu kilometer merentasi segenap pelosok tanah Formosa bukan sahaja memberikan pengalaman hidup yang sangat berharga malahan menjadi satu kepuasan yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata.

Mengelilingi Taiwan, itulah impian yang sering berlegar di fikiran saya saat awal penghijrahan saya di sini lantas membuatkan saya menjadi tidak keruan dan kadang-kala seolah-olah sedang dilamun angau selagi impian itu tidak mampu dicapai. Akibat tidak mampu menahan kemahuan, saya mula merangka beberapa perancangan lewat buku nota kecil. Segala maklumat tentang Taiwan digali, sesekali saya turut membuka peta besar kepulauan Taiwan untuk mencari tahu tentang bentuk muka buminya serta jarak yang akan dilalui demi mencapai impian yang dihasratkan. Saya turut menyuarakan impian saya kepada sahabat-sahabat kayuhan. Ada yang menyokong, dan tidak kurang juga yang bernada kurang yakin saya mampu melakukannya. Jika diimbis kembali, ada benarnya juga kata mereka kerana pada waktu itu, saya hanya mampu berkayuh 20 hingga 50 kilometer sahaja, itu pun dalam kelajuan yang santai di laluan landai di tebingan sungai dari Taipei ke Pelabuhan Tamsui. Lebih melucukan apabila dikenang, gaya seorang cyclist pun tidak kelihatan pada saat itu. Saya berkayuh hanya menggunakan seluar track dan berbaju T. Tiada cycling jersey atau cleats shoe apatah lagi gajet-gajet berbasikal seperti computer bike, heart rate dan cadence sensor dan lain-lain lagi.



Antara medal yang menjadi saksi kejayaan kayuhan yang telah dilakukan di Taiwan

Perjalanan saya mencapai impian di bumi Formosa ini sudah tentunya merakam begitu banyak kenangan pahit dan manis. Paling tidak dapat saya lupakan adalah peristiwa ketika tiub tayar bocor sewaktu dalam perjalanan bersama beberapa sahabat kayuhan Malaysia di Taiwan. Walaupun semua peralatan telah dibawa termasuk tiub ganti, pam kecil dan CO₂ tetapi kesemua kami gagal menggantikan tiub yang bocor tersebut sehinggalah ada kumpulan cyclists yang lain berhenti memberikan bantuan. Saya sentiasa tersenyum apabila teringat kembali peristiwa itu, terasa kelakar. Kini, bukanlah mahu mendabik dada, saya sudah mampu menukar tiub dalam masa kurang lima minit. Seperti kitaran roda dan pernah merasai kesusahannya, kini sekiranya saya melihat ada cyclists yang menghadapi masalah atau kerosakan basikal semasa berkayuh, saya akan berhenti dan memberi bantuan. Ya lah, ibarat kitaran roda, saat di atas janganlah pula kita melupakan mereka yang berada di bawah.

Mengenangkan kembali peristiwa tidak mampu menggantikan tiub tayar basikal saya itu, memang tidak terjangkau di fikiranku saya mampu mencipta nama menakluki keseluruhan kepulauan Taiwan dan pulau-pulau kecil di sekitarnya malah mampu mencatatkan nama saya sebagai pemegang dua rekod dalam Malaysia Book of Records, iaitu rekod kayuhan terpantas dan rekod kayuhan elevation tertinggi selain gelaran Super Randonneur Taiwan dan beberapa kejayaan lain. Kejayaan demi kejayaan yang saya kecapai ini membuatkan saya sentiasa berfikir positif untuk berusaha mencapai lebih banyak kejayaan pada masa-masa mendatang. Pada saya, setiap kejayaan yang dicapai hari ini, pastinya akan memberi ruang untuk menempa lebih banyak kejayaan.



Meminta air minuman daripada orang awam ketika berada di kawasan terpencil

Untuk mencapai sesebuah kejayaan, pastinya tiada jalan mudah. Kemalangan, kesakitan, kegelapan, ribut, hujan dan panas terik adalah antara ujian yang terpaksa aku lalui. Bak kata pepatah Inggeris, “No pain, no gain”. Bagi saya semua ini adalah sebahagian asam-garam dalam menggapai kejayaan. Luka dan parut di badanku menjadi saksi kesakitan yang pernah aku alami sebelum berjaya menggapai impian yang dicita-citakan.

Mengimbau kembali kemalangan yang saya alami semasa berbasikal dalam acara Taiwan Triathlon, saya telah tertekan brek secara mengejut dalam acara berbasikal saat menghampiri stesen pertukaran untuk acara larian. Situasi ini membuatkan saya terpelanting jauh dan kepala terhantuk ke lantai jalan. Kepala terasa bergegar, mujurlah kepala dilindungi helmet yang dipakai. Jika tidak, entah apalah yang akan terjadi pada diri saya. Bahu juga terasa pedih dan ngilu sekali. Darah yang mengalir bercampur peluh memeritkan lagi rasa. Saya kemudiannya dipapah ke tepi oleh petugas keselamatan untuk diberikan rawatan kecemasan. Meskipun dinasihatkan agar mendapatkan rawatan lanjut, namun saya tetap ‘berdegil’, saya gagahkan diri untuk meneruskan acara larian 10km walaupun dalam keadaan terhencot-hencot dan kesakitan. Dengan semangat kental yang tidak mudah mengalah, saya cuba mengetepikan rasa sakit yang dialami dengan kata-kata positif. Saya berbisik pada diri, “come on Matt, you can do it, you’ve almost completed the challenge”. Saya terus berlari sehinggalah nama dan nombor peserta di dada diumumkan tiba di garisan penamat. Peristiwa ini kadangkala membuatkan saya terfikir sejenak. Saya bersyukur sekali kerana sentiasa diberikan semangat juang yang tinggi untuk menamatkan setiap acara atau perlumbaan yang disertai meskipun diuji dengan pelbagai dugaan serta cabaran. Semasa berbasikal dalam acara tersebut.



Basikal rosak ketika terlibat dalam kemalangan di puncak gunung



Kecederaan beberapa anggota badan ketika kemalangan



Semasa berbasikal saya juga pernah melalui gangguan makhluk halus. Kejadian berlaku sekitar waktu maghrib di malam ketiga ketika saya melakukan cabaran kayuhan 1000km Taiwan Randonneur. Ketika itu saya mengayuh berseorangan di kawasan pergunungan terpencil di wilayah tengah Taiwan. Hanya bunyi-bunyian unggas dan deruan angin yang kedengaran. Ketika saya melayan perasaan meneruskan kayuhan yang sudah mencecah 720km, tiba-tiba keluar suara perempuan mengilai datang dan pergi dalam beberapa saat. Saya rasakan suara tersebut keluar dari corong telefon bimbitku, tetapi seingat saya, saya telah telah matikan telefon bimbit untuk menjimatkan bateri. Untuk kepastian, saya menyeluk poket belakang jersey merah yang saya pakai untuk mengambil telefon bimbit. Ternyata telefon bimbit dalam keadaan mode tertutup. “Subhanallah, Walhamdulillah, Wala Illaha Illallah Wallahu Akbar” itulah ungkapan kalimah yang keluar dari mulut saya.

Terasa bulu roma dan bulu tengkuk tegak meremang ketakutan. Saya menarik nafas panjang dan mengawal perasaan takut dengan membaca segala ayat suci Al-Quran yang saya hafal dan doa doa pendinding. Saya meneruskan kayuhan pendakian dalam keadaan gelap tersebut tanpa menoleh ke kiri dan kanan. Saya hanya berdoa agar tiada jelmaan nampak di penglihatan saya. Pada waktu itu, saya hanya berserah sekiranya hayat saya berakhir di situ, sekurang-kurangnya saya sedang membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan mengingat kuasa Yang Maha Esa. Saya teruskan kayuhan dalam keletihan yang teramat sangat sehinggalah saya rasa selamat setelah nampak kedipan lampu jalan beberapa meter di hadapan. Saya menarik nafas lega setelah melalui kawasan kampung tersebut walaupun saya tidak pasti apa lagi dugaan mendatang di kayuhan yang masih berbaki panjang tersebut. Setidak-tidaknya saya sudah mencecah tiga per empat keseluruhan kayuhan. Setelah sampai di salah sebuah 7-Eleven, tanpa berlengah saya terus mengambil wuduk dan menunaikan solat Maghrib dan Isya’. Saya sentiasa berdoa agar saya diberikan perlindungan dan kemudahan untuk sampai ke garisan penamat acara kayuhan 1000km tersebut.

Sepanjang kayuhan penjelajahan yang telah dilakukan, pernah beberapa kali saya terpaksa mengayuh pantas kilat di luar kemampuan apabila dikejar anjing liar. “Sial, bodoh kau anjing” itulah kata-kata spontan yang pernah keluar dari mulut walaupun dua perkataan itu sangat jarang dilafazkan dalam kehidupan harian. Ketika itu saya leka menikmati keindahan pemandangan laut dari kawasan gunung sambil menyanyi lagu “Anak Malaysia” nyanyian Aris Ariwatan yang sering membakar semangat ketika berkayuh. Mungkin kerana lamunan saya terhenti dek kemunculan anjing-anjing tersebut yang mengejar sehingga saya terbabas ke pinggir jalan membuatkan amarah memuncak lalu memaculkan kata-kata itu tanpa sedar.

Selain daripada anjing liar, di beberapa laluan terpencil yang pernah saya lalui, turut mempunyai penghuninya yang tersendiri. Pernah beberapa kali saya terserempak dengan penunggu hutan seperti monyet dan ular. Pengalaman ini mengajar saya untuk lebih berhati-hati dan sentiasa mengawasi penglihatan dan pendengaran lebih-lebih lagi apabila melakukan kayuhan pada waktu waktu malam.



Laluan terpencil yang didiami haiwan liar

Ketika awal penjelajahan berbasikal sebelum ini, saya telah tersesat beberapa kali ketika berkayuh terutamanya ketika berkayuh di luar Bandaraya Taipei. Pada waktu itu, komputer basikal yang digunakan tidak mempunyai fungsi navigasi dan saya hanya bergantung sepenuhnya kepada google map. Pepatah Melayu ada berkata, malu bertanya, sesat jalan. Agar tidak terus tersesat, saya ketepikan rasa malu dan segan. Kata orang, petunjuk yang paling baik adalah dengan bertanya kepada sesiapa yang ditemui. Meskipun kadang kala pertanyaan hanya saya ajukan dengan bahasa tubuh, namun masyarakat tempatan di sini tetap akan membantu sebaik mungkin walaupun tidak pernah mengenali satu sama lain.

Pengalaman sesat di sebuah kawasan terpencil ketika computer bike kehabisan bateri pasti tidak dapat dilupakan. Manakala tidak, ketika meminta bantuan kepada sepasang suami isteri yang kebetulan sedang memetik buah limau dan strawberi, saya dilayan dengan sangat baik. Bukan sahaja diberi minuman malahan, saya dijamu dengan buah strawberi dan limau yang baru dipetik. Sebelum berlalu pergi, saya juga diberikan sebungkus buah-buah tersebut sebagai bekalan untuk dimakan semasa dalam perjalanan.




Menerima rawatan doktor pakar bagi kecederaan kaki



Kemalangan jalan raya akibat micro-sleep

Media Coverage



Taiwan

THE HEART OF ASIA



Taiwan Tourism Bureau Kuala Lumpur Office

臺灣觀光局吉隆坡辦事處

Suite 25-01, Level 25, Wisma Goldhill,
67 Jalan Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +603-2070 6789

Fax: +603-2072 3559

Email: tbrockl@taiwan.net.my



www.taiwan.net.my



Taiwan Tourism Bureau, Malaysia